



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MATLEH BIN YAAKOB  
LAGENDA DISEBALIK GUNUNG RENG**

**OLEH:**

<b>AISYAH RAMLI</b>	<b>2014728829</b>
<b>ROBIATUL ADAWIYAH ZUKFILE</b>	<b>2014193415</b>

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MATLEH BIN YAAKOB  
LAGENDA DISEBALIK GUNUNG RENG

OLEH:

---

AISYAH RAMLI 2014728829  
ROBIATUL ADAWIYAH ZUKFILE 2014193415

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, Kami bersyukur kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, Nabi Muhammad SAW kerana mengurniakan kami kekuatan untuk melengkapkan tugas ini. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah yang terhormat, **Puan Nor Kamariah Binti Chik** diatas dedikasi dan tunjuk ajar beliau membantu kami menyiapkan tugas dengan baik dan lancar. Beliau juga telah memberi inspirasi kepada kami supaya bekerja keras dalam menyiapkan tugas ini.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa tercinta yang telah memberi inspirasi kepada kami, galakan dan sokongan sepenuhnya dalam setiap ujian yang mendatang serta menjadikan kami terus bersemangat untuk menyiapkan tugas ini.

Seterusnya, tidak lupa juga buat rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu kami melalui komen, kritikan dan idea yang bernas bagi memudahkan kajian yang bakal dijalankan.

Akhir sekali, jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak. Segala sokongan dan nasihat kalian sangat kami hargai . Semoga Allah memberkati Kalian.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Pak Muda.....	1-12
Bahagian 2: Latar Belakang Gunung Reng.....	13-19
Bahagian 3: Kisah-Kisah di Gunung Reng.....	20-35
Bahagian 4: Kronologi Pak Muda di Gunung Reng.....	36-50
Bahagian 5: Harapan Pak Muda.....	51-66
Rujukan.....	67
Lampiran	
Log Wawancara.....	68-74
Diari Kajian.....	77
Senarai soalan.....	78-84
Surat Perjanjian.....	85
Gambar.....	86-87
Indeks.....	88-89

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** Temuramah ini di antara Matleh bin Yaakob bersama Aisyah Ramli dan Robiatul Adawiyah Zukfile mengenai Lagenda di Sebalik Gunung Reng dimana lokasi temuramah tersebut bertempat di Kampung Batu Melintang Jeli, Kelantan. Lagenda di Sebalik Gunung Reng telah dibahagikan kepada lima bahagian termasuklah latar belakang orang yang ditemuramah, asal usul Gunung Reng, kisah-kisah di Gunung Reng, kronologi Pak Muda di Gunung Reng dan usaha serta harapan Pak Muda untuk generasi akan datang. Tujuan penyelidik memilih Gunung Reng sebagai tajuk kajian kerana gunung tersebut telah menjadi sebutan masyarakat setempat serta merupakan satu-satunya peninggalan sejarah orang terdahulu di kawasan tersebut bertepatan dengan tema iaitu Cerita Rakyat Kelantan.

**Kata kunci:** Gunung Reng, Pak Muda, Cerita Rakyat Kelantan.

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



**Nama** : Matleh Bin Yaakob

**Gelaran** : Pak Muda

**Umur** : 63 Tahun

**Tarikh Lahir** : 12 Mei 1953

**Pekerjaan** : Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)

**Pendidikan** : Sekolah Kebangsaan Batu Melintang

Sekolah Menengah Arab Addiniyyah

**Nama isteri** : Saadah Binti Kechik

**Anak** : 8 orang

**Nama anak** : Siti Nur Hafizah

Siti Haizum

Muhammad Hisyamuddin

Amir Syahiran

Nur Hasyimah

Nur Syilawati

Muhammad Haziman

Nurin Fatini

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Permulaan Lagenda di Sebalik Gunung Reng mengisahkan mengenai maklumat diri orang yang ditemuramah iaitu Matleh bin Yaakob atau Pak Muda, diikuti maklumat keluarga beliau secara terperinci iaitu kehidupan anak-anak, isteri dan ibu bapa beliau. Mengenai pengalaman beliau bekerja sebagai tentera, Ahli Majis Daerah, Penghulu Kampung dan sebagainya. Walaupun kini beliau telah bersara, namun beliau tetap menghulurkan tenaga dalam menjawat jawatan sebagai ahli mesyuarat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Tugas beliau merantau keseluruhan Malaysia menjadikan beliau terus dikenali oleh seluruh lapisan. Malah turut disegani oleh pihak atasan kerana sifat merendah diri yang ada pada diri beliau. Dari segi latar belakang pendidikan Pak Muda sendiri, selepas menyambung pelajaran sehingga peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) beliau terus berkecimpung dalam bidang tentera.

Bahagian seterusnya pula berkaitan dengan asal usul Gunung Reng merangkumi permulaan nama gunung ini tercipta, iaitu Reng yang berasal dari Burung Ering. Kisahnya dikatakan burung tersebut menapak di atas pokok berhampiran dengan gunung. Ciri fizikal burung tersebut yang besar menjadikan sebab utama Gunung Reng tercipta. Ciri-ciri geografi gunung yang strategik menjadikan lokasi gunung tersebut kukuh sehingga sekarang dan terhindar daripada tragedi tanah runtuh, gempa bumi dan kebakaran walaupun telah berdepan dengan banjir besar yang berlaku di Negeri Kelantan ini. Seterusnya lokasi Tasik Pergau dan Kampung Tala juga turut dirungkaikan dimana telah menjadi sumber hidroelektrik kepada masyarakat setempat untuk tanaman serta melakukan aktiviti harian. Tidak ketinggalan juga mengenai kisah utama yang menjadi tarikan di Gunung Reng iaitu kisah tragis perempuan tua dengan cucunya semasa kenduri tujuh hari tujuh malam dan akhirnya balasan Ituhan terhadap sikap orang kampung yang melampaui batas.

Selain itu, Gunung Reng merupakan salah satu persinggahan Puteri Sa'adong kerana dikatakan telah lari daripada dipinang oleh Tok Tadoh. Kisah beliau bermula apabila, ada seorang asli yang dipelihara oleh Tok Tadoh iaitu penghulu Kampung Tala ketika itu masuk ke hutan uinituk mencari makanan. Setibanya dia disitu, dia melihat sepohon pokok buluh yang agak tinggi telah dipotong oleh seseorang. Perasaanya yang tidak takut kerana ada orang yang lebih tinggi

daripadanya lalu bergegas pulang ke rumah Tok Tadoh. Selepas mendengar perkhabaran tersebut, Tok Tadoh terus ke tempat tadi kembali bersama orang asli dan membawa pulang buluh tersebut untuk dibelah. Betapa terkejutnya apabila melihatkan dalam buluh bentong tersebut terdapat seorang bayi. Lalu Tok Tadoh mengambil keputusan untuk memeliharanya sehingga dewasa dan menamakan Puteri Sa'adong. Tetapi apabila dewasa, kecantikan Puteri Sa'adong telah menarik minat Tok Tadoh untuk dijadikan isteri. Disebabkan Puteri Sa'adong tidak berminat dan telah membuat pelbagai helah untuk tidak menerima pinangan Tok Tadoh, beliau akhirnya lari ke Gunung Reng bersama anak-anak Tok Tadoh iaitu Encik Arif dan Cik Relayan. Cerita kecantikan Puteri Sa'adong akhirnya tersebar ke pihak Raja Thailand. Setelah itu, raja tersebut terus bersama tenteranya menyerang Gunung Reng untuk menculik Puteri Sa'adong malangnya gagal kerana Puteri Sa'adong tiba-tiba lenyap bagai terkena sumpahan.

Kronologi Pak Muda di Gunung Reng juga menjadi salah satu bahagian daripada lagenda ini kerana mengisahkan tentang cerita Pak Muda di awal usia kanak-kanak sehingga dewasa di gunung tersebut daripada terjaga rapi sehingga menyebabkan terbiar. Dalam sesi ini juga turut menceritakan sumber-sumber rujukan Pak Muda dalam memastikan Cerita Rakyat Kelantan ini betul betul sahih untuk dijadikan sumber utama dalam menyebarkan kisah di Gunung Reng ini sendiri. Beliau turut menyaksikan sendiri fizikal batu dan gua-gua yang terdapat dalam Gunung Reng ini. Turut menjadi kelainan apabila orang kampung meraikan Perayaan Aidilfitri di dalam gunung tersebut. Kebiasanya masyarakat setempat akan berkunjung kesitu pada hari raya ke dua dan menghayati keindahan gunung tersebut. Tetapi kini, tradisi tersebut kian lumpuh dek arus kemodenan yang kita alami sekarang.

Akhirnya, usaha dan harapan Pak Muda bagi mengekalkan Lagenda di sebalik Gunung Reng itu sendiri turut dinyatakan. Pelbagai harapan yang diutarakan agar Cerita Rakyat Kelantan ini mendapat tumpuan bukan sahaja masyarakat setempat malahan pihak kerajaan dalam membangunkan kembali projek memajukan tapak Gunung Reng. Keadaan di dalam gunung itu sendiri menjadikan Pak Muda terkilan kerana masyarakat setempat kurang mengambil cakna tentang penjagaan peinnggalan warisan sejarah ini. Jika anak muda sekarang tidak menjaga, siapa lagi akan menjadi penerus warisan Cerita Rakyat Kelantan untuk generasi akan datang.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Hari ini 17 April 2016, hari Ahad pukul 9.19 Malam. Saya Aisyah Ramli bersama sahabat saya, Robiatul Adawiyah dari UiTM Kelantan. Kami akan menemu ramah saudara Matleh Bin Yaakob mengenai cerita di sebalik Gunung Reng. Temu ramah ini dijalankan di Kampung Batu Melintang, Jeli Kelantan. Disini terletaknya lokasi Gunung Reng. Tujuan temu ramah ini dilakukan adalah salah satu syarat untuk memenuhi subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan bagi semester ini iaitu semester 5, Ijazah Pengurusan Sistem Maklumat. Jadi boleh kita mula. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

MY: Matleh Yaakob  
AR: Aisyah Ramli  
RA: Robiatul Adawiyah

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PAK MUDA**

**AR : Boleh tak ceritakan tentang Pak Muda? (Bunyi cengkerik sepanjang temuramah dijalankan)**

MY : Terima kasih. Sebelum itu, saya ucapkan Assalamualaikum warahmatullah hitaalawabarakatuh dan Salam Sejahtera dan Pak Muda ucapkan terima kasih diatas kedatangan saudari saudara yang ingin menemu ramah Pak Muda yang mana inilah kali pertama (bunyi cicak) Pak Muda pengalaman ini dan Pak Muda. Nama Pak Muda, Matleh bin Yaakob-. Dilahirkan di Kampung Sengih. Kampung Sengih Bukit Belimbing, Batu Melintang Jeli, Kelantan. Pak Muda sudah pun beristeri dan anak *lapan* [8]-. Tarikh lahir *dua belas haribulan lima sembilan belas lima puluh tiga* [12 Mei 1953]. Pak Muda adalah keturunan asal orang yang membuka kawasan *Batu Melintang* [Jeli]. Pak Muda generasi yang ke-*15* [lima belas].

**AR : Umur Pak Muda sekarang ini?**

MY : Umur Pak Muda *enam puluh tiga* [63] tahun.

- AR : Kenapa panggil gelaran Pak Muda?**
- MY : Pak Muda ini yang beri gelarannya sepupu Pak Muda. Sepupu Pak Muda daripada Perak. Bila *dia* [Sepupu Pak Muda] datang ke Pak Muda, dia bagi gelaran kepada keluarga Pak Muda, adik beradik Pak Muda, ayah ngah, Pak Su Kamal yang bongsu Pak Muda ini, kira yang ke *tujuh* [7]. Jadi, panggil Pak Muda, Pak Cik Abu Bakar, Pak Cik Abu, Pok Teh Ibrahim yang lelaki. Jadi, asalnya, sepupu Pak Muda yang bagi nama gelaran Pak Muda. Sampai sekarang ini, semua itu walaupun keluarga Pak Muda, ataupun siapa-siapa pun semua panggil Pak Muda. Lekat *situ* [Pak Muda].
- RA : Kalau ikut pekerjaan Pak Muda, Boleh Pak Muda ceritakan secara ringkas berapa lama jadi tentera?**
- MY : Pak Muda tentera *tujuh belas tahun* [17] tahun. Pak Muda yang mana pada *satu haribulan satu sembilan belas tujuh puluh enam* [1 Januari 1976], Pak Muda masuk tentera dikerah di bawah pasukan *PPT* [Pasukan Pertahanan Tempatan] Lebuhraya di panggil. Kemudian *sembilan belas tujuh puluh sembilan* [1979], ditubuhkan Batalion *tiga kosong dua* [302] Infantri. Pak Muda masuk dalam Batalion *tiga kosong dua* [302] Infantri.

**RA** : Jadi sebelum ini, melalui telefon, Pak Muda ada bagitau Pak Muda ini sebagai Ahli Majlis Daerah Jeli? Jadi berapa lama Pak Muda pegang jawatan Ahli Majlis Daerah Jeli?

**MY** : Ahli Majlis Daerah selama *sepuluh* [10] tahun. Jadi habis *sepuluh* [10] penggal itu, makna Pak Muda bersara. Penghulu *dua* [2] tahun. Makna Majlis Daerah *empat* [4] tahun, kemudian Penghulu, kemudian Majlis Daerah semula. (bunyi menulis pen) Buat masa sekarang ini, Pak Muda selaku Pengurus *PPK* [Pertubuhan Peladang Kawasan] Jeli.

**AR** : Selain Pak Muda jadi tentera dengan Ahli Majlis Daerah Jeli, Pak Muda pernah jadi apa sebelum ini? Kerja?

**MY** : Pak Muda, Ahli Jawatankuasa Kecil Bahagian Pendidikan Islam. Pasal Pak Muda Ahli Majlis Mesyuarat. Jadi semasa Pak Muda jadi Ahli Majlis Mesyuarat itu, Pak Muda pernah buat cadangan supaya Gunung Reng ini dibangunkan. Pak Muda minta Ahli Majlis. Semasa itu, Majlis Daerah (bunyi cicak), *dia* [Majlis Daerah Jeli] tidak ada duit lagi. Baru. Maknanya Jajahan *Jeli* [Kelantan] baru bergerak (bunyi menulis pen). Jadi, duit tidak ada. Maka ditangguhkan dululah. Di atas cadangan Pak Muda ditangguhkan dahulu.

**RA** : Kalau cerita pasal pendidikan Pak Muda sendiri, Pak Muda boleh cerita pendidikan Pak Muda? Maksudnya daripada awal hingga sebelum Pak Muda bekerja?

**MY** : Pendidikan Pak Muda. Pak Muda di peringkat rendahnya. Peringkat rendah di *Sekolah Kebangsaan Batu Melintang* [Jeli] sehingga darjah *tiga* [3] darjah *empat* [4] darjah *lima* [5] di Bukit Ipoh ini. Kemudian, balik ke darjah *enam* [6] di Batu Melintang balik selepas itu Pak Muda pergi ke Sekolah Menengah Arab Addiniyyah Batu Melintang.

**RA** : Dekat Jeli ini jugak?

**MY** : Dekat Gunung Reng itu, kemudian Pak Muda pergi ke Bunut Payong (bunyi motosikal) selama *setahun* [1 Tahun]. Duduk di Bunut Payong, Kota Bharu oleh kerana masa itu orang tua *tak da* [tiada] duit. Ekonomi itu tak cukup. Pasal Pak Muda *dua* [2] beradik *duduk* [tinggal] dekat *sana* [Gunung Payung, Kota Bharu]. Masa itu *30 ringgit je* [RM 30.00 ringgit sahaja] sebulan (ketawa). Pak Muda minta berhenti dulu bagi abang teruskan. Jadi ustaz Noh ini dia pergi *Durban* [Universiti Durban India] *tiga* [3] tahun, Mesir *dua* [2] tahun. Pak Muda *tok dey* [tidak mampu] nak sara *dia* [abang Pak Muda]. Pak Muda suruh dia balik. Makna dia duduk di Mesir *dua* [2] tahun, di Durban, India *tiga* [3] tahun.

**AR** : Apa Durban?

**MY** : Durban. Universiti Durban India

**AR** : Universiti Durban?

**MY** : Di India

**RA** : Lepas tu?

**MY** : Kemudian Pak Muda, tahun *tujuh puluh dua* [72], Pak Muda balik sekolah balik ke Batu Melintang ini di sekolah Arab Addiniyyah, Pak Muda ambil periksa *SRP* [Sijil Rendah Pelajaran]. Gagal lagi sekali Pak Muda dekat situ, Pak Muda bercita-cita nak *mengaji* [sambung belajar] lagi. Pak Muda belajar separuh buka tentera mula masuk tentera.

**RA** : Kira bukan sambung *SRP* itu balik?

**MY** : Pak Muda nak sambung balik.

**RA** : Lepastu?

**MY** : Lepastu buka tentera Pak Muda pergi temuduga dapat terus. Pasal Pak Muda kena cari sendiri duit masa itu. Orang tua tidak mampu hendak jaga.

**RA** : Kiranya sampai *SRP* [Sijil Pelajaran Rendah] sahaja?

**MY** : (Pak Muda mengangguk)

**RA** : Lepas itu terus jadi tentera?

**MY** : Terus jadi tentera.

AR : **Pak Muda boleh ceritakan sikit pasal anak Pak Muda, belajar di mana, kerja apa secara ringkas?**

MY : Boleh sikit, Pak Muda nya yang sulung bekerja dengan sekarang ini di bawah Jabatan *JPJ* [Jabatan Pengangkutan Jalan]. Dia Ketua Kerani sekarang ini. Perempuan lah. Yang nombor *dua* [2] bekerja di Pusat Internet 1 Malaysia di Gunung Reng.

RA : **Yang pertama siapa nama dia?**

MY : Siti Hafizah

RA : **Umur dia berapa?**

MY : Umur dia Pak Muda lupa.

RA : **Anak yang ke *dua* [2]?**

MY : Yang ke *tiga* [3] tadi, yang lelaki tadi dia tidak bekerja. Lepas itu yang ke *empat* [4], nya dia OKU [Orang Kurang Upaya]. Yang ke *lima* [5], dia *mengaji* [sambung belajar] sampai *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]. Kemudian, Pak Muda hantar pergi ke Kajang, masuk swasta separuh masa *dia* [anak ke lima Pak Muda] berhenti. *Tok dey* [tak mampu] habis.

RA : ***Dia* [anak ke lima Pak Muda] berhenti sebab apa?**

MY : Dia tidak mampu dia kata. Dia ambil bahagian akaun. *Payah* [susah] dia kata. (ketawa).

RA : **Lepas itu dia buat apa?**

MY : Sekarang ini, dia duduk rumah. Yang tadi, perempuan tadi.

AR : **Yang hidang air?**

MY : (Pak Muda megangguk). Lepas itu, yang lelaki sorang lagi, Sekarang ini tingkatan *lima* [5], *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] yang adiknya tingkatan *satu* [1].

AR : **Yang bongsu sekali itu?**

MY : Yang ke *lima* [5] itu, tentera sorang lagi.

AR : **Yang pertama nama Siti Nur Hafizah? Nombor dua [2]?**

MY : Siti Haizum, pastu Muhammad Hisyamuddin, lepastu Amir Syahiran, Nur Hasyimah, Nur Syilawati, Nurin Fatini. (bunyi menulis pen)

AR : **Pak Muda ada rasa anak-anak Pak Muda ini ada potensi untuk generasi akan datang?**

MY : Pak Muda rasa tidak ada. *Nak* [hendak] ganti Pak Muda susah sikit. Bagi anak Pak Muda susah sikit. Cuma kalau ada pun yang perempuan. Yang sulung itu Pak Muda ingat.

RA : Apa Pak Muda buat supaya *dia* [anak sulung Pak Muda] tahu pasal **Gunung Reng?**

MY : Pak Muda akan cerita balik lah. Sekarang ini pun Pak Muda selalu ingat kepada anak-anak Pak Mudanya tentang keturunan (bunyi telefon). Sebab keturunan ini kita punya ada *DNA* [Deoxyribonucleic acid]. Kalau kita-. Satu masa kita akan tahulah.

RA : Boleh Pak Muda cerita tentang isteri Pak Muda? Nama penuh, umur, **semualah.**

MY : Isteri Pak Muda, Saadah Binti Kechik. Tarikh lahir dia (Pak Muda ketawa) *enam tiga kosong lima satu lapan kosong tiga lima dua enam empat* [630518035264]. Yang itu nombor *ic* [identification card] dia.

RA : Sekarang ini bekerja sebagai apa?

MY : Dia suri rumah.

AR : Berapa lama kahwin dengan--?

MY : Tahun *lapan puluh* [80].

AR : Tarikh?

MY : Lupa.

RA : **Agak-agak berapa tahun kawin?**

MY : *Lapan puluh* [80] sekarang ini *dua ribu enam belas* [2016]. *Tiga puluh enam* [36] tahun.

AR : **Ibu Bapa Pak Muda, boleh cerita secara ringkas? Nama penuh, umur, kerja?**

MY : Ibu bapa Pak Muda, Bapa Pak Muda, Yaakob Bin Maarof. Ibunya Siti Mariam Binti Mohammad.

RA : **Kira mula dengan ayah Pak Muda pun tidak mengapa. Umur ayah Pak Muda? Sekarang ini ada lagi?**

MY : Umur ayah Pak Muda, lupa.

RA : **Asal *sini* [Jeli, Kelantan]?**

MY : Ayah Pak Muda berasal daripada *Belum Lama* [Perak]

AR : **Dekat mana?**

MY : Belum Lama ini di kawasan Perak, kawasan Grik. Perkampungannya bersepadan dengan Thailand. Sekarang ini buat kawasan Taman Negara, dekat Taman Negara Royal Belum. Keluarga Pak Muda di sebelah bapa ramai di Belum Baru. Di kawasan Grik, ramai, satu keluarga Pak Muda, sebelah bapa Pak Muda. Sebelah ibunya sini di Kelantan.

**AR : Ayah Pak Muda bekerja sebagai apa?**

MY : Kerja ayah Pak Muda tiadalah. Cuma tanam padi. Petani lah.

**AR : Umur Ibu Pak Muda berapa?**

MY : Ibu Pak Muda dia lahir *sembilan belas dua puluh empat* [1924]. Pak Muda ingat tarikh lahir dia, Cuma bapa lupa. Hampir-hampir itulah.

**RA : Asal Ibu Pak Muda?**

MY : Ibu Pak Muda, itulah sebelah sini keturunan asal sebelah Thailand. (bunyi kereta lalu) Kota Bharu Meng, sebelah Thailand.

**AR : Kota Bharu?**

MY : Kota Bharu Meng. Itu bahasa siam dah itu. Kota Bharu Meng itu, makna pelat belah *sana* [Thailand]. Jadi asal keturunan situ lah. Bawa ke *sini* [Kampung Batu Melintang], orang yang mula-mula buka Daerah Batu Melintang, itu keturunan Pak Muda.

**AR : Kerja Ibu Pak Muda? (bunyi kereta lalu)**

MY : Suri rumah.

**AR : Pak Muda ada berapa adik-beradik?**

MY : Pak Muda ada *sembilan* [9] adik-beradik. *Tiga* [3] perempuan *enam* [6] lelaki.

**RA : Kiranya Pak Muda anak ke berapa?**

**MY : Pak Muda anak ke *lapan* [8]**

**AR : Semua adik-beradik Pak Muda, menetap di mana?**

**MY : Adik-beradik Pak Muda, *satu* [1] di Perak yang lain semua di Kelantan. Yang di Perak sudah meninggal. Sekarang ini, adik-beradik Pak Muda yang meninggal dah *tiga* [3] orang. *Satu* [1] perempuan *dua* [2] lelaki.**

**RA Dalam adik-beradik Pak Muda, ada yang tahu pasal Gunung Reng ini?**

**Ada kaitan tak dengan Gunung Reng?**

**MY Adik beradik Pak Muda, dia tak suka berdamping dengan orang tua. Dia tidak tahu kisah-kisah. Pak Muda ini, suka dengan orang tua. Orang tua Pak Muda suka itulah. Pak Muda ini daripada Pak Muda kecil sampai sekarang ini yang Pak Muda suka orang tua dan budak, itulah. Budak pun masih berkawan lagi dengan Pak Muda *loni* [sekarang] walaupun *enam puluh* [60] tahun**

**RA Kiranya kalau tanya adik-beradik Pak Muda pun, dia orang tak tahu?**

**MY (Pak Muda ketawa) Dia orang memang tak boleh nak bercerita. (bunyi selak kertas)**

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: ASAL USUL GUNUNG RENG**

**AR : Boleh Pak Muda kongsi pasal asal usul Gunung Reng?**

MY : Asal usul Gunung Reng ini, Gunung Reng ini berasal dari Hulu Sungai Pergau. Ada sebuah kampung, Kampung Tala itu, dia buat keramaian, *dia* [Ketua Kampung Tala] buat suka ria selama *tujuh* [7] hari *tujuh* [7] malam. Jadi, bila buat suka ria macam itu, *dia* [Ketua Kampung Tala] pelaga anjing macam-macam. Pelaga *kore* [kukur], masa dulu Pelaga kore. *Kore* [kukur] itu, *hok* [yang] kukur kelapa itu, dia orang boleh pelaga, ada kayu pastu bubuh mata macam itu kukur kelapa. Dia boleh pelaga macam dulu, macam-macam mainan dia. Pastu badan untuk tampi padi itu boleh joget, macam-macam dia boleh buat orang dulu. Jadi dengan keramian itu, dia orang pelaga anjing atas rabung. Anjing kucing pelaga atas rabung. Tiba-tiba hujan mari ribut sekali gelap, marilah gunung *itu* [Gunung Reng], habis *satu* [1] kampung. Itu sahaja. Yang selamatnya *satu* [1] perempuan nak pergi angkat padi jemur, itu yang selamat, yang lain habis. Tapi kampung itulah. (bunyi menulis pen).

**AR : Boleh cerita apa maksud Reng sebenarnya?**

MY : Maksud Reng itu, di atas gunung itu ada seekor burung. Burung Ering di panggil, Burung Ering.

**AR : Macam mana ejा Burung Ering?**

MY : E-R-I-N-G. Ering ini dia macam burung yang makan bangkai-bangkai.

**AR : Gunung Reng ini Pak Muda, dekat mana asalnya?**

**MY : Asalnya *dia* [Gunung Reng] di Hulu Sungai Pergau.**

**AR : Sekarang *dia* [Gunung Reng] di mana?**

**MY : Sekarang berada di Kuala Sungai Tadok.**

**AR : Boleh cerita dekat mana Sungai Reng terletak?**

**MY : Sungai Reng, Pak Muda tidak tahu dan Pak Muda tidak pernah dengar.**

**AR : Apa kaitan Tasik Pergau dengan Gunung Reng?**

**MY : Tasik Pergau tidak ada kaitan, cuma berhampiran dengan Tasik Pergau itu, ada bekas tapak gunung. Makna bekas gunung tercabut (bunyi cicak). Itu sahaja.**

**RA : Boleh Pak Muda cerita jarak dari sempadan Thailand, hingga ke sempadan Kampung Tala?**

**MY : Kampung Tala ini, asalnya dalam Thailand. Setelah persepadanan semula, maknanya masuk di dalam Semenanjung Malaysia. Itu sahaja.**

**AR : Pak Muda boleh cerita apakah nama tempat asal sebelum jadi nya kejadian Gunung Reng? (Bunyi cicak)**

**MY : Nama kampung itu, Kampung Tala lah.**

- AR : Sewaktu itu, siapa *Tok Penghulu* [Ketua Kampung] Kampung Tala?
- MY : *Hok tu* [yang itu], Pak Muda tidak pernah dengar. Pasal ketua, dia berkurung, makna lama jarak
- AR : Tentang kejadian tragis Gunung Reng ini, Pak Muda ada tahu tentang perempuan tua dan cucunya?
- MY : Pak Muda tidak tahu, yang Pak Muda dapatnya itulah, yang dapat selamatnya perempuan itu sahaja yang angkat padi. Itu sahaja.
- AR : Perempuan tua itu masih hidup?
- MY : Perempuan itu, selepas berlakunya di Kampung Lama yang ada berdekatan. Makna dia masih hidup. Dia lah yang bawa cerita-cerita *ini* [Kisah Gunung Reng]. Dari pada *satu* [1] generasi ke *satu* [1] generasi.

- RA : **Kira dia yang mula cerita itu?**
- MY : Sebab di kawasan ini, semua, di Kampung Tala itulah tempat ramai sikit penduduknya. Lepas itu, ada Kampung Kalai Lama. Kalai Lama ini, Kalai itu, kalau siam ini, menanam padi, kawasan padi. Jadi, di sini pun, di Kampung Belimbing ini. Lepastu di Kampung Lawar ini, asalnya di sebelah siam itu. Asalnya mereka tidak ada agama. Makna berzaman-zaman itu, bercampur itu\_. Zamannya *sembilan belas dua puluh* [1920], baru ramai sedikit. Kalau dahulu sebuah *dua* [2] buah kampung, dalam *satu* [1] kampung itu, *dua* [2] *tiga* [3] buah rumah. Itu sahaja, peringkat awal.
- RA : **Sebelum ini, Pak Muda kata asal Gunung Reng itu, asal dia Gunung Cabut. Jadi Gunung Cabuk ini, berasal dari mana? Sebab saya sendiri pernah dengar ada orang kata asal Perak, Gunung Cabut itu, ada kata Jeli. Setakat Pak Muda tahu?**
- MY : Setakat Pak Muda tahu, sekarang ini lah. Makna tapak *dia* [Gunung Reng] tu, masih ada. Daripada tapak tu, dia mari *sini* [Jeli, Kelantan].
- RA : **Tapak asal dia [Gunung Reng] dekat mana?**
- MY : Tapak asal *dia* [Gunung Reng] di atas daripada Tasik, *ini* [Tasik Pergau] dalam Kelantan lagi ini.
- RA : **Kira bukan di Jeli?**
- MY : Kawasan Jeli lah. Makna jajahan Jeli.

- RA : Baru *dia* [Gunung Reng] tukar dekat *sini* [Jeli, Kelantan]?
- MY : (Pak Muda mengangguk) Makna tapak *dia* [Gunung Reng] cabut itu, bawa dekat sini, Kampung Tala ini. (bunyi memulis pen)
- RA : Bawa itu, maksud dia macam mana?
- MY : Maknanya dengan ribut berlaku. Angin ribut lah.
- AR : Boleh Pak Muda cerita kenapa Tok Penghulu buat kenduri secara meriah pada waktu tengahari? Biasanya kenduri orang buat pada malam.
- MY : Yang itu, Pak Muda tidak tahu, Cuma Pak Muda *cagho* [kisah] itu je. Mana Pak Muda dengar, yang itu sahaja Pak Muda ingat.
- AR : Dekat mana tempat lawan kucing dan anjing?
- MY : Di atas perabung bangunan.
- AR : Perabung?
- MY : Di atas atap.(bunyi menulis)
- AR : Masa tengah berlawan itu, pada waktu tengahari kan?
- MY : Tengahari.

**AR** : Selain ada perlawanan anjing dan kucing, ada lagi tak permainan lain masa kenduri itu?

**MY** : Yang Pak Muda tahu nya, anjing dengan kucing, dan kukuran tadi.

**AR** : Kukuran?

**MY** : Kukuran itulah, dia pelaga.

**AR** : Yang kelapa?

**MY** : (Pak Muda megangguk)

**AR** : Itu sahaja?

**MY** : (Pak Muda megangguk)

**AR** : Cerita tragis Gunung Reng ini, berlaku pada tahun bila?

**MY** : Yang itu, tidak tahu.

**AR** : Masa ribut itu berlaku, kenapa masyarakat Kampung Tala yang kena balasan itu?

**MY** : Mungkin melampau. Perayaan melampau, melebihi daripada batas manusia.

**RA** : Kira masa buat kenduri itu, ada permainan lain tak selain daripada laga anjing dan kucing?

**MY** : Yang itu, tidak tahu.

RA : Kira balasan daripada laga kucing itu, balasan *dia* [masyarakat Kampung Tala] kena hempap la kan dengan gunung *itu* [Gunung Reng]?

MY : Ya. Mungkin la banyak lagi benda-benda tidak sesuai pada masa itu.

AR : Berapa kilometer jarak Tasik Pergau ke Gunung Reng?

MY : -Dari *sini* [Kampung Batu Melintang] dekat *sepuluh* [10] *kilo* [kilometer].

AR : Pasal cucu masa dengan perempuan tua yang selamat itu, cucunya sekarang masih ada?

MY : Tidak ada dah.

AR : Generasi-generasi?

MY : Generasi sudah tidak ada.

AR : Umur cucu yang selamat itu?

MY : Tidak tahu.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### **BAHAGIAN 3: KISAH – KISAH DI GUNUNG RENG**

**RA : Seterusnya Pak Muda kita teruskan dengan bahagian ke *tiga* [3] iaitu kisah-kisah di Gunung Reng, boleh Pak Muda ceritakan daripada awal apakah kisah-kisah yang terdapat di Gunung Reng sama ada yang berkaitan dengan Puteri Sa'adong dan seerti dengannya?**

**MY : Setelah gunung itu berada (bunyi tiup habuk) iaitu pada satu abad, Tok Tadoh bertempat di situ iaitu di seberang sungai disebalik gunung itu.**

**RA : Selepas itu?**

**MY : Selepas itu Tok Tadoh ini sebagai *penghulu* [ketua kawasan], *orang* [penduduk kampung] kata asal *sini* [Bukit Tala], kiranya orang *gedebe* [orang bernama] jadi kalau orang panggil penghulu semua kenal.**

**RA : Kiranya orang yang terkenal la?**

MY : *Orang terkenal* [Tok Tadoh] la, jadi *dia* [Tok Tadoh] ini pelihara *asli* [orang asli] sebagai pengawal . Jadi, *satu* [1] hari *Asli ini* [Orang Asli] dia nak cari makanlah pergi dalam hutan dia nak *supit* [penyumpit] keralah dia cari kera makan dengan dia, dia tengok kera putih duduk di atas pokok buluh dia pun nak supit lepastu ada suara yang larang jangan supit. Dia pun berhenti dan terus balik bagitahu Pak Tadoh, Pak Tadoh pun pergilah, pergi itu dia perhati tengok, dia pun ambil buluh tempat *gotu* [Kera Putih] duduk. Dia bawa balik buluh dan belah, tiba-tiba ada bayi di dalam buluh itu, kemudian *dia* [Tok Tadoh] pun peliharalah bayi itu sehingga besar. Bila dah besar, dia nak ambil Puteri Sa'adong ini sebagai isteri dia *pasal* [sebab] dia terlalu lawa. *Dia* [Tok Tadoh] pun sampai tergilakan Puteri Sa'adong. *Macam-macam* [Pelbagai] helah Puteri Sa'adong ini sehingga dia pun lari ke gunung, di Gunung Reng lah yang selalu main dengan dia itu *Encik Arif* [kawan lelaki Puteri Sa'adong] dan *Cik Nerayan* [kawan perempuan Puteri Sa'adong].

**RA : Apa hubungan *diorang* [Encik Arif dan Cik Nerayan] dengan Puteri Sa'adong itu ?**

MY : Sebagai kawan. Sebab Pak Tadoh pelihara anak dia daripada kecil yang mana *dua* [2] beradik ini sebaya dengan Puteri Sa'adong sebab itu dia berkawan dan duduk sekali. Bila Puteri Sa'adong pergi ke gunung dia pun ikut ke gunung la duduk sekali dengan Puteri Sa'adong sehinggalah dapat berita daripada Raja Thailand, maknanya Raja Thailand *mari* [datang] nak ambil Puteri Sa'adong ini.

**RA : Masa dia [Puteri Sa'adong] pergi dekat gunung itu dia belum lari daripada raja itu?**

**MY : Belum. Maknanya dia [Puteri Sa'adong] duduk lama di gunung itu lepastu sampailah berita kepada Raja Thailand (bunyi kereta). Raja Thailand pun mari uinituk ambil Puteri Sa'adong ini. Jadi, pihak Tok Tadoh ini, berkeras nak pertahankan supaya tentera siam *nung* [sana] tidak dapat ambil Puteri Sa'adong. Bila tentera Thailand itu mari, maka berlakulah peperangan itu. Banyaklah yang meninggal itu. Selepas itu, sebelum berperang Encik Arif Cik Relayan tadi *makan pineng* [makan sireh pinang] *kepala* [Ketua] hulubalang *makan piney* [makan sireh pinang] setia maka berlakulah peperangan selepas perang itu marilah ribut maka di situlah hilang Encik Arif dengan Cik Nerayan itu dia hilang sekali dengan Puteri Sa'adong.**

**RA : Tapi sebelum itu raja yang duduk dekat Thailand itu bagaimana dia boleh tahu Puteri Sa'adong duduk dekat gunung itu [Gunung Reng] ?**

**MY : Pasalnya masa itu orang selalu ulang alik daripada Thailand sebab berita cepat sampai.**

**RA : Kiranya macam aktivitilah orang *g balik-* [pergi dan balik] *last-* [akhirnya] tersebar Puteri Sa'adong ada dekat *sini* [Gunung Reng]?**

**MY : Aah ada dekat *sini* [Gunung Reng].**

RA : Kiranya betul la Puteri Sa'adong itu dia cuma singgah dekat Gunung Reng itu dia lari daripada- eh bukan, maaf. Betul la *Raja tersebut* [Raja Thailand] dia nak nikah dengan Puteri Sa'adong lepastu Puteri Sa'adong lari dekat Gunung Reng?

MY : Tidak. Kira berlaku perperangan itu, bila mari hujan ribut kemudian *hilang* [Puteri Sa'adong]. Hilang itu maka, raja *itu* [Raja Thailand] baliklah. Kemudian baru *dia* [Puteri Sa'adong] berulang alik daripada Gunung Reng ini ke gunung lain. Maknanya dia ulang alik macam itu la.

RA : Maksudnya lepas daripada ribut taufan itu apa yang terjadi kepada Puteri Sa'adong ? Dia mati atau sebaliknya ?

MY : Itulah. Boleh jadi alam ghaib (bunyi motosikal lalu). Kita pun tidak tahu cerita boleh jadi begitu sahaja. *Wallahu'alam* [hanya Allah sahaja yang tahu].

RA : Berapa orang yang bersama dengan *dia* [Puteri Sa'adong] semasa berada di Gunung Reng selain Encik Arif dan Cik Nerayan?

MY : Itulah. Selain daripada hulubalang Tok Tadoh, ada juga Encik Arif dan Cik Nerayan yang rapat dengan dialah. *Dua* [2] itu sahaja. (bunyi cicak)

RA : *So* [jadi], apa barang yang dia bawa masa di Gunung Reng itu? Kiranya dia sehelai sepinggan atau ada barang bawa pinggan mangkuk ke?

MY : Semasa Puteri Sa'adong itu duduk di Gunung Reng, adalah pinggan mangkuk dia.

**RA** : Kiranya dia bawa sendiri atau sedia ada *disitu* [Gunung Reng] ?

**MY** : Yang itu Pak muda tidak tahu.

**AR** : Kenapa ya Pak Muda *dia* [Puteri Sa'adong] bawa pinggan mangkuk?

**MY** : Dia duduk di gunung sahaja. Maksudnya dia tidak balik lagi ke rumah Tok Tadoh. Maknanya rumah Tok Tadoh sebelah *sini* [sambil menunjukkan sebelah kanan Pak Muda] sebelah sungai. Gunung itu sebelah *sini* [sambil menunjukkan sebelah kiri Pak muda]. Maknanya selepas Tok Tadoh nakkan dia, dia [Puteri Sa'adong] terus lari ke gunung. Yang bersama dia Cik Arif dan Cik Nerayan sahaja yang membantu dia.

**RA** : Kiranya dia bukan seorang sahajalah *disitu* ?

**MY** : Aah. Bukan seorang. (Bunyi lori)

**RA** : Agak-Agak berapa lama dia duduk di Gunung Reng itu sebelum Raja itu tahu Puteri Sa'adong ada *disitu*? Lama atau tidak?

**MY** : Lama. Sehingga dia dewasa remaja.

**RA** : Maksudnya masa dia pergi ke Gunung Reng itu umur dia berapa? Kiranya dia masih budak-budak ke ?

**MY** : Masa remaja dah. Lepastu dia duduk di gunung itu tapi tidak tahu berapa lama dah.

RA : Maksudnya *dia* [Puteri Sa'adong] dah dewasa semasa raja itu nak masuk meminang dia? (bunyi ketuk meja dengan pen)

MY : Aah.

RA : Boleh Pak Muda bagitahu siapa sebenarnya raja yang nak inikah dengan Puteri Sa'adong itu?

MY : Tidak Tahu.

AR : Asal usul *dia* [Raja Thailand]?

MY : Tiada.

RA : Kiranya tiada maklumat yang berkaitan dengan raja itu? Kiranya dia itu cuma Raja Thailand sahaja yang setakat tahu?

MY : Aah.

RA : Jadi lepas daripada raja *itu*, [Raja Thailand] tahu Puteri Sa'adong ada di gunung *itu* [Gunung Reng], apa tindakan raja selepas itu ?

MY : Itulah. Sekali sahaja dia datang nak ambil Puteri Sa'adong.

RA : Dia hantar dengan tentera dia ke?

MY : Aah. Dia hantar sekali dengan tentera.

RA : **Kira dia mari sekali dengan tentera dia ke?**

MY : Aah. Dia mari sekali dengan tentera dia.

AR : **Kiranya dia mari nak culik Puteri Sa'adong?**

MY : Aah. Dia nak mari culik Puteri Sa'adong macam itu sahaja.

RA : **Tapi dapat atau tidak dia culik itu?**

MY : Tidak dapat. Maknanya lepas itu. Berlaku perangangan-.

AR : **Puteri Sa'adong lari ke?**

MY : Bila mari *gelap glemat* [sangat gelap], hujan ribut, habis hilang. Maknanya, Puteri Sa'adong, Encik Arif dan Cik Nerayan pun hilang.

RA : **Dia macam sumpahan la. Tiba-tiba hilang?**

MY : Aah. Tiba-tiba hilang.

RA : **Sebab apa raja itu berkenan dekat Puteri Sa'adong itu?**

MY : Pasal dia tidak tahu la. Pasal dia Puteri, bila cantik ini serata negara pun tahu.

RA : **Boleh Pak Muda cerita lebih lagi tak apa bukti Puteri Sa'adong itu pernah duduk di Gunung Reng itu? Kiranya lepas daripada sumpahan itu, Pak muda kata Puteri Sa'adong tiada kan? Tapi bagaimana orang kampung boleh tahu itu [Gunung Reng] tempat Puteri Sa'adong?**

MY : *Dia* [Puteri Sa'adong] ada peninggalan dan cerita-cerita daripada satu generasi ke generasi itu. Jadi sepanjang hayat Pak Muda masa kecil dulu, cerita itu jadi munasabah.

RA : **Munasabah macam mana itu?**

MY : Bila Pak Muda masuk ke dalam gua itu, ada taman bunga, tempat bunga pun ada, lepastu dalam gunung itu bersih. Lepastu satu ceritanya, sebelah ini sebelah hujung gunung ini ada itukang tebuk kata nak ambil Puteri Sa'adong ini. Itu kata Tok Seh Gelembey [Orang Purba] tadi. Itu saitu cerita pulak *[sengih]*.

RA : **Boleh Pak Muda jelaskan lebih lagi pasal Tok ? Apa tadi?**

MY : Tok Seh Gelembey.

RA : **Tok Seh Kelembey?**

MY : Aah. Tok Seh Kelembey (ketawa).

**RA : Boleh Pak muda jelaskan lebih lagi?**

MY : Tok Seh Kelembey ini dia orang besar lah. Lepastu dia pun nak ambil Puteri Sa'adong juga. Dia cuba nak tebuk gunung itu. Dia *takok* [tebuk] gunung ini. Lepastu suatu hari itu dia pergi nak takuk gunung itu, dia tengok buluh itu bekas orang potong tinggi. Buluh ini bekas orang potong tinggi, dia *tikkah* [beza] naik kan.

**RA : Buluh itu dekat mana?**

MY : Berhampiran dengan gunung la. Bila dia tengok buluh itu, dia kata ada orang lain lebih besar daripada aku. Lepastu dia lari tinggal macam itu sahaja. Itu *takok* [tebuk] depan itu. Itu cerita orang tua macam itu je. Jadi gunung ini, semasa zaman itu dan zaman mungkin dalam 20 [dua puluh] an itu, ada lagi orang jaga, *mereka* [orang kampung] tidak boleh buat maksiat ke apa ke tidak boleh.

**RA : Kiranya tempat itu terjaga?**

MY : Aah. Tempat itu terjaga. Sebab itulah gunung itu masih elok-.

**RA : Lepas itu?**

MY : Tapi sejak akhir akhir ini, zaman moden ini gunung jadi kotor habis tiada pengjaga.

RA : Lepas itu macam mana dia berkenan dekat Puteri Sa'adong itu. Macam mana dia [Tok Sey Kelembey] ganggu Puteri Sa'adong ke? Dia [Tok Seh Kelembey] ganggu ke?

MY : Siapa?

RA : Tok Seh Kelembey.

MY : Tok sey Kelembey itu? Tok seh kelembey itu mungkin dia berkenan dekat Puteri Sa'adong itu, *supo-supu* [seperti] orang lain jugaklah. Puteri Sa'adong ini memang betul betul lawa.

RA : Tapikan yang Pak Muda kata Raja tadi itu, dia hantar tentera kan? Kalau Tok Seh Gelembey ini apa dia buat? Dia pergi sendiri?

MY : Dia bukan macam orang lain pulak. Dia bukan ramai macam tentera ke *gapo* [apa]. Dia ini macam *dua* [2] orang macam itu je.

RA : Dia pergi sendirilah?

MY : Aah. Dia pergi sendiri.

RA : Dia pergi nak culik ke macam mana?

MY : Dia pergi nak tebuk nak cari Puteri Sa'adong dalam gunung.

RA : Lepas itu boleh tidak?

MY : Tidak boleh.

**RA** : Maksudnya dia gagal la? Lepas daripada itu dia kecewa ke macam mana?

**MY** : Gagal. Tidak tahulah.

**RA** : Agak-agak Pak Muda masa Puteri Sa'adong itu duduk dalam gunung itu, ada tidak binatang – binatang buas ke yang ganggu dia?

**MY** : Tiada.

**RA** : Selain daripada Gunung Reng, dimana lagi Puteri Sa'adong pernah singgah?

**MY** : Kata Gunung Ayam. Dekat mana Pak Muda tidak tahu, tapi dengar orang tua kata daripada Gunung Reng dia pergi ke Gunung Ayam dulu.

**AR** : Sebelum Gunung Reng, *di* [Puteri Sa'adong] pergi mana dulu? Perjalanan dia?

**MY** : Perjalanan dia tidak tahu. Pak Muda tidak tahu.

**AR** : **Bukit Marak?**

**MY** : Yang bukit Marak pun ada Puteri Sa'adong Pak Muda pun tidak tahu. Cuma yang ini cerita disini [Gunung Reng]. Yang Pak Muda tahu, bila orang tua bagitahu macam itu, begitulah Pak Muda sampaikan.

**RA** : Yang kisah dia lari ke gunung ayam itu Pak Muda tahu sebab apa?

**MY** : Bila lepas berlaku perang tadi, dia terus ulang alik. Adakala dia mari *sini* [Gunung Reng], adakala dia pergi *sana* [Gunung Ayam].

**RA** : Orang kampung boleh nampak ke dia?

**MY** : Orang kampung *tika* [ketika] dia duduk sini nampak la dia.

**RA** : Lepastu ada orang tahu tidak dia ulang alik ke Gunung Ayam lepastu ke Gunung Reng?

**MY** : Semua dapat cerita macam itu *je* [sahaja].

**AR** : Kenapa dia [Puteri Sa'adong] ulang alik?

**MY** : Mungkin ada *dua* [2] penempatan.

**RA** : Sebelum ini, Pak Muda kata ada orang kampung pinjam pinggan mangkuk dia kan? sebab apa orang kampung berminat sangat dengan pinggan mangkuk dia?

**MY** : Mungkin yang Puteri Sa'adong ini yang *class* [hebat] punya.

**RA** : Pak Muda tahu dimana tempat tinggal sebenar Puteri Sa'adong sebelum dia lari ke Gunung Reng? Kan itu cuma persinggahan dia kan?

**MY** : Itu cuma persinggahan sahaja.

**RA : Tapi yang betul-betul tempat asal dia dekat mana?**

**MY : Tidak tahu.**

**RA : Dari segi hubungan dengan keluarga dia, Pak Muda tahu dia punya hubungan maksudnya dia ada konflik ke dengan keluarga dia? Ada masalah *pape* [apa-apa] ke?**

**MY : Tiada. Puteri Sa'adong ini mengikut cerita ini, dia betul-betul ajaib la. Dia tidak menyusahkan hati orang.**

**RA : Dia ada keluarga tidak sebenarnya?**

**MY : Tiada. Puteri Sa'adong ini berasal dari buluh bentongla. Pak Muda cerita tadi, dari peringkat awal. Maknanya dia dari buluh bentongla. Tok Tadoh bawa balik untuk belah, ada bayi dan dia membesar.**

**RA : Yang ada kaitan antara Puteri Sa'adong dengan Cik Siti Wan Kembang ini macam mana pulak Pak Muda?**

**MY : Cik Siti Wan Kembang ini Pak Muda tidak tahu pulak.**

**RA : Jadi selain dari raja tadi dengan Tok Seh Kelembang tadi ada orang lain tidak yang buat tindakan yang sama?**

**MY : Tiada.**

RA : **Kan dia merajuk dengan orang kampung, dia minta balik orang kampung ambil dia punya pinggan mangkuk? Betul ke Pak Muda?**

MY : Yang itu Pak Muda tidak tahu.

AR : **Tindakan dia cuma lari ke atau lepas tahu ?**

MY : Dia orang tidak hantar ke macam mana. Betul tidak. Tapi disini Pak Muda tiada cerita itu.

RA : **Yang selain daripada pinggan mangkuk itu ada ke orang lain pinjam Puteri Sa'adong punya?**

MY : Tiada.

AR : **Sekarang pinggan mangkuk itu dekat mana?**

MY : Tidak tahu.

RA : **Sekarang ini ada lagi kesan daripada pinggan mangkuk itu yang Puteri Sa'adong tinggal?**

MY : Tiada. Cuma di gunung ini- banyak orang- yang tidak tahulah Pak Muda pun tidak tahu. Tapi ada orang dapat kapak, keris, lembing.

RA : **Tapi cerita disebalik kapak itu tidak tahulah?**

MY : Aah tidak tahu.

**RA** : Tapi ada lagi ke selain Puteri Sa'adong kisah disebalik Gunung Reng?

**MY** : Tiada.

**AR** : Tentang manusia yang berbentuk batu dekat atas puncak Gunung Reng itu?

**Itu boleh Pak Muda boleh cerita.**

**MY** : Tiada. Pasal pemudanya diatas Gunung Reng ini, makna *dua* [2] kumpulan jalan. Masa Pak Muda budak dulu, arwah sepupu Pak Muda itu ada seorang lagi Pak Nik Lek itu dia masa itu dia orang naik atas, bila duduk *satu* [1] malam, esok nak turun tidak boleh. Tidak jumpa jalan.

**RA** : Dia orang naik sebab apa ya?

**MY** : Saje *saje* [santai] naik. Nak bermalam diatas. Lepastu nak turun tidak boleh sebab tidak jumpa jalan. Lepastu, mereka berniat nak *potong* [sembelih] kambing barulah boleh jumpa jalan nak turun.

**RA** : Kiranya *dorang* [mereka] *potong* [sembelih] kambing atas itu jugak?

**MY** : Turun bawahlah (ketawa).

**RA** : Jadi niatlah?

**MY** : Niat. Pak Muda pun bercita-cita nak *naik* [Gunung Reng] juga, tapi sampai sekarang ini tidak lepas tidak sempat masa.

- RA : **Kalau orang naik atas itu, orang naik dengan cara apa?**
- MY : Boleh naik (berdehem). Ada jalan dia. Dua pupu Pak Muda dia selalu naik, kalau musim nak *mengundi* [pilihanraya] dia akan naikkan bendera atas.
- AR : **Dekat puncak Gunung Reng itu ada apa?**
- MY : Batu tajamlah. *Tak dok apo* [Tiada apa-apa]. Cuma batu tajam-tajam. (bunyi cicak).
- AR : **Cuma pasal orang jadi batu itu betul ke tidak?**
- MY : Tiada.
- RA : **Yang sebelum ini Pak Muda yang pasal Puteri Sa'adong berinteraksi dengan orang kampung itu dia guna bahasa perantaraan ke bagaimana? Dia guna Bahasa Melayu ke bahasa bagaimana itu?**
- MY : Yang itu Pak Muda tidak dapat maklumat.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4 : KRONOLOGI PAK MUDA DIGUNUNG RENG**

- RA      Ok Pak Muda-, kita teruskan pula dengan bahagian ke empat iaitu kisah-  
      :    **kisah Pak Muda sendiri maksudnya daripada *kecik* [kecil] sampai Pak muda  
             sekarang dekat Gunung Reng itu? Kiranya--**
- MY      : Pak Muda masa umur lebih kurang *tiga* [3] tahun, Pak Muda selalu bermain di  
             kawasan itulah. Pasal kebun Pak Muda di seberang sungai itu, di kawasan gunung  
             itu semua itu hutan lagi. Masa itu harimau gajah tiada lagi kawasan itu. Masa  
             belah gunung itu, tempat harimau dan gajah lagi. Cuma dihadapan gunung tempat  
             bersih sikit, lapang sikit, tempat orang singgah depan gunung itu *jah* [sahaja], di  
             belakang itu hutan. Dan sebelah gunung itu (bunyi lori lalu), kampung dia ada  
             pokok kelapa tua itu dekat dengan minyak itu, itu kampung Pak sepupu Pak muda  
             la. Pak sepupu Pak Muda duduk situ lah. Sepupu belah mak Pak Muda dia duduk  
             situ. Keluarga Pak Muda *blako* [semua], *Tauke* [bos] minyak, Imam masjid  
             keluarga Pak muda. Jadi, Pak Muda lalu situ, Pak Muda pernah tengok masa umur  
             *tiga* [3] tahun depan gunung itu ada batang kelapa yang dah buruk. Batang kelapa  
             mati ada *dua* [2] batang, dah separuh dah. Lepastu umur Pak Muda *lapan* [8]  
             tahun, Pak Muda naik sampai ke atas, masuk tengok dalam gua. Masa itu, dalam  
             gua itu cantiklah. Batu-batu pun putih, tengok semua itu putih hijau, air *titik*  
             [menitis] atas batu pun putih. *Comel* (lawa). Pak Muda pernah ambil pokok inai,  
             atas itu besar ini (sambil tunjuk jari kelingking) inai dia. Pak Muda *kelik* [balik]  
             tanam.

**RA** : Kira Pak Muda naik *sorang* [seorang] ke atas *nung* [sana] ?

**MY** : Pak Muda dengan kawan Pak muda la.

**RA** : Agak-agak masa itu umur berapa?

**MY** : Umur dalam *tujuh* [7] hingga *lapan* [8] tahun.

**RA** : Agak-agak berapa lama gunung itu jadi tumpuan sebelum dia terbiar?

**MY** : Lebih kurang *sepuluh* [10] tahun.

**RA** : *Sepuluh* [10] tahun jugak? Lepas daripada itu orang *dok caro* [tidak usik]?

**MY** : Ramai. Masa itu umur Pak Muda *sebelas* [11] hingga *dua belas* [12] tahun itu, maknanya bila hari raya ke *dua* [2] semua pergi sana. Orang tua budak semua keliling pergi sanalah. Masuk dalam gunung tengok. Macam Pak muda raya pertama lepas sembahyang, Pak Muda akan *round* [pusing] kampung ini, esok itu terus ke gunung. Pak muda dari *Kampung Belimbing* [Jeli] terus ke *Kampung Lawar* [Jeli]. Makna raya ke *dua* [2] raya ke *tiga* [3] semua gunung. Dulu memang macam itu.

**RA** : Memang tradisi orang sini?

**MY** : Aah memang tradisi sini.

- RA : **Kira orang masuk dalam itu, memang tengok saje [sahaja] ?**
- MY : Jalan *saja* [sahaja]. Penuh gunung itu, keliling gunung lepastu naik, dalam gua masuk *mano* [mana], *macey-macey* [macam-macam]. Masa itu, Gua Gajah, Gua Rimau elok lagi. Maknanya tiada usik.
- AR : **Masa tempat itu terjaga, ada kenakan bayaran di Gunung Reng? Percuma ke?**
- MY : Tiada.
- RA : **Kenapa orang pilih masa hari raya nak masuk dalam itu?**
- MY : Tidak tahu. Memang tradisi *lagu* [macam] itu.
- RA : **Tiba-tiba jadi *gitu* [begitu]?**
- MY : Tiba-tiba jadi *gitu* [begitu]. Pak Muda pun ingat, selalu pergi bila hari raya *kedua* [2] *ketiga* [3] selalu pergi ke sana. Pasal dulu orang tidak ramai sini. Bukan *supo* [macam] *loni* [sekarang]. Semasa itu, *Daerah Batu Melintang* [Jeli] baru dua [2] masjid. Maknanya *Masjid Belimbing* [Jeli] dan *Batu Melintang* [Jeli].
- RA : **Masjid yang dekat dengan gunung itu, masjid *mende* [apa]?**
- MY : Masjid baru.

**RA : Masjid Baru?**

MY : Masjid baru. Maknanya yang pertama, Belimbing. Masa Pak Muda budak dulu, daripada Kuala Sungai Loh, Kalai, Batu Melintang gunung itu tiada lagi. Semua sembahyang sini. Lepastu, *Masjid Batu Melintang* [Jeli]. Jadi, *dua* [2] masjid. Sekarang ini, dah jadi *lima* [5] masjid. Semasa itu, semasa *dua* [2] masjid itu, masih lagi pergi gunung lagi.

**RA : Maksudnya memang seronoklah orang masuk dalam itu?**

MY : Maknanya hari raya di gununglah. Tempat perayaan di gunung masa itu.

**RA : Adakah terdapat aktiviti lain seperti permainan ke?**

MY : Tiada.

**RA : Memang sekadar rekreasi gitulah?**

MY : Aah.

**RA : Biasa (bunyi cicak) Pak Muda sendiri rujuk siapa untuk sahihkan cerita-cerita dekat gunung-? Kiranya Pak Muda sebelum ini tahu cerita Gunung Reng ini, generasi sebelum ini maksudnya dengan siapa?**

MY : Pak Muda dan pak saudara *je* [sahaja] tahu hal ini.

**RA** : Nama penuh pak saudara Pak Muda?

**MY** : Abdul Rashid Bin Mamat.

**RA** : **Dia duduk dekat mana?**

**MY** : Dia Imam Tua *Masjid Belimbang* [Jeli] ini.

**RA** : Sekarang ini dia ada lagi ke?

**MY** : Sekarang dia dah meninggal dah. Anak dia imam tua masjid ini.

**RA** : **Kiranya Pak muda berguru ke macam mana dengan dia?**

**MY** : Tidak. Pak Muda selalu ke rumah dia. Pasal dia orang tua.

**RA** : **Oh, dia sembang-sebang lepastu cerita?**

**MY** : Aah. Sembang sembang begitu *je* [sahaja].

**RA** : **Lepas daripada itu, Pak Muda tulis ke memang ingat terus?**

**MY** : Tidak. Memang ingat. Pasal Pak saudara Pak muda bagitahu yang catit pasal sejarah ini, Cikgu Daud.

**RA** : **Cikgu Daud itu siapa pulak?**

**MY** : Cikgu Daud ini dia mengajar di *Sekolah Kebangsaan Batu Melintang* [Jeli].

**RA** : **Dia ada lagi sekarang ini?**

**MY** : Meninggal dah.

**RA** : **Kiranya Pak Muda jelah salah seorang yang tahu pasal ini.**

**MY** : Setakat Pak Muda tahu, Pak Muda rasa tiada orang lain. Yang pertama Pak saudara Pak muda, Yang ke dua [2] Pak sepupu Pak Muda, Abdul Latif. Lepastu dah tiada orang lain. Pak Muda rasa Pak Muda je-.

**RA** : **Jadi, masa mula-mula Pak muda masuk dekat gunung itu, apa perasaan Pak Muda sendiri?**

**MY** : Sekarang ini Pak Muda rasa sayang lagi. Pak Muda apabila pergi ke gunung itu, Pak Muda rasa sayang pasal apa terbiar. *Itu je* [itu sahaja].

**RA** : **Yela, dari kecil lagi Pak Muda nampak kan?**

**MY** : Pak Muda dari kecil lagi. Makna Pak muda tengok gunung itu elok, sehingga baru ini, Pak Muda tengok pokok atas gunung *itu* [Gunung Reng] mati. Kata, pokok ini Pak Muda selalu tengok. Pokok itu antara *leukuk* [bentuk] *hok* [yang] depan gunung ini, dengan ibu besar itu ada pokok, pokok itu besar. Tinggi. Pak Muda selalu perhati pokok itu. Sekali mati dah pokok itu. *Hok itu jah* [setakat itu sahaja]. Makna bila Pak Muda pergi gunung, Pak Muda sayang gunung itu, sehingga orang buat rumah tepi itu pun Pak Muda jadi masalah.

RA : Oh, ada orang buat rumah tepi itu?  
MY : Aah sebelah tepi jalan. Dia orang buat rumah. Itu kira tidak tahu lah macam mana.

RA : Kenapa Pak Muda sedih ada orang buat rumah tepi itu?  
MY : Disebelah sini? Tepi jalan itu ya?

RA : Aah. Sebab apa?  
MY : Sebab *saje-saje* [sengaja]. Bila orang duduk situ, tanam pokok dokong sikit, tanam durian. Lama-lama jadi macam itulah. Makna tiada orang kawal. Dan sebelah sana ini, tanah dia runtuh tebing tidak sampai jalan. Sampai jalan dia runtuh tebing itu. Lepas jalan itu, dia runtuh tebing itu, dia runtuh balik. Jadi, orang tidak sukalah. *Tak leh* [tidak boleh] nak pusing.

AR : Pak Muda (bunyi cicak) cerita pasal jumpa Pak muda jumpa pokok inai tadi apa?

MY : Ya. Pokok inai.

AR : Selain pokok inai apa lagi?  
MY : Dia ada bunga bunga di batu. *Hok* [yang] itu Pak muda tidak ambil. Cuma masa itu, Pak Muda suka Pokok Inai itu.

**AR** : Ada orang tanam ke situ? Ke dah ada?

**MY** : Tapi pasal Pak Muda ingat, dia *adalah* [wujud] pokok (ketawa) situ.

**RA** : Sekarang ini keadaan dalam gunung itu macam mana?

**MY** : Tidak tahu. Pak Muda pun tidak naik lama dah. Berpuluh tahun dah.

**RA** : Yang Pak Muda kata, ada orang ambil tahi kelawar?

**MY** : Tahi kelawar.

**RA** : Sekarang ini orang ambil lagi ke? (bunyi lori).

**MY** : Sekarang ini, tiada dah (bunyi lori).

**RA** : Kiranya dalam gunung itu, kalau nampak dari luar macam mana ? dia nampak hutan ke?

**MY** : Apa dia?

**RA** : Dari luar. Pandangan gunung itu?

**MY** : Tiada. Nampak gelap. Nampak tidak bersih. Pak Muda pergi pun depan sahaja, tidak seperti dulu. Depan itu pun bau *lagu* [macam] lain, tidak bersih Pak Muda tidak masuklah. Kalau dulu tidak bau tahu kelawar banyak. Tidak bau busuk, sekarang ini bau busuk lepastu nampak kotor sebab itu tidak masuk.

RA : Lepastu Pak Muda ada dengar orang kampung kutuk dekat gunung *itu* [Gunung Reng], ataupun komen keadaan gunung itu sekarang?

MY : Tiada.

RA : Kiranya perasan Pak Muda sendiri sedih?

MY : Pak Mudanya berharap sangat sejak daripada dulu lagi. Sebab itu dalam ahli majlis daerah itu, Pak muda bersuara supaya gunung itu dijaga.

RA : Dalam mesyuarat itu orang bagi tindak balas apa?

MY : Tiada apa cuma dia bagi masa itu, bagi pihak *YDP* [Yang Dipertua] tiada duit nak urus. Pak Muda minta nak buat *Mini Zoo* [Zoo Kecil] ke tepi itu, tapi duit tiada masa itu.

RA : Pak Muda, berbalik dalam keadaan gunung itu sendiri maksudnya Gua Badak, boleh Pak Muda cerita keadaan gua dalam gunung itu?

MY : Yang Pak Muda selalu pergi Gua Bunga, Gua Gajah, Gua Rimau ini Pak Muda tidak masuk pasal dia kena masuk pintu lain. Pak Muda tidak masuk pasal gua dia gelap. Cuma tengok daripada atas.

RA : Gua yang sebelum itu, kira masuk *gitu* [begitu] je [sahaja]?

MY : Mana?

**RA** : *Dia satu [1] pintu je [sahaja]? Gua yang tadi itu*  
**MY** : Yang lain itu, Gua Gajah lepastu Gua Gendang. Gua gendang ini makna bila kita ketuk batu (ambil menyebut bunyi gung-gung) *macey* [macam] boleh buat *gendey* [gendang] la. Lepastu boleh masuk, lepastu Gua Bunga itu jelah. Dia ada *tiga* [3] tempat.

**RA** : **Gua Badak itu ada ke?**

**MY** : Gua Badak tiada.

**RA** : **Gua Bedak?**

**MY** : Gua Bedak ada. Gua Bedak dia bawah je. Pak Muda kata air titik itu, dia macam bedak (ketawa) warna putih. Lepastu dia nak hijau sikit.

**RA** : **Dia wangi ke?**

**MY** : *Comey* [lawa]. Tok wangi (bunyi telefon jatuh atas meja). Tapi *comey* [lawa]. Dia atas pun elok, putih batu yang menunggu pun putih.

**RA** : **Batu yang menunggu?**

**MY** : Batu *hok* [yang] duduk bawah ini, dia titik atas batu jadi putih. Comel la.

**AR** : **Dalam Gua Badak itu ada apa?**

**MY** : Gua Badak Pak Muda tidak tahu.

**AR : Dalam Gua Bedak?**

MY : Gua Bedak? Oh itu yang tadi.

**RA : Selain daripada gua-gua ini ada jugak batu. Maksudnya batu apa bentuk batu, Batu Dua Tiang, Batu Pelangi. Ada dalam itu?**

MY : Ada.

**RA : Kiranya bentuk dia itu macam mana kalau tengok ?**

MY : macam ukir.

**RA : Macam ukiranlah?**

MY : Aah. Macam ukiran. Kalau dulu memang lawa masuk dalam itu, itu orang suka pergi. Sekarang ini orang tidak kunjung sebab kotor. *Itu je* [itu sahaja]. Kotor lepastu tidak tertarik tengok. Siapa nak naik.

**RA : Betul itu. Yang Gua Badak, Gua Rimau Pak Muda tahu kenapa orang bagi nama ini?**

MY : Gua Gajah, pasal dia ada batu. Dia berdiri macam *ini* [sambil tunjuk] di tempat lapang. Bentuk belalai lepastu ada ekor dia. Bentuk macam gajah, *lengkuk* [bengkok] kepala. Itu sahaja.

**RA : Kira ada buktih, lepastu dia bagi terus nama itu?**

MY : Aah. Cuma nama Rimau, Pak muda tidak pernah masuk pasal gelap.

**RA** : Lepastu yang pasal batu, Batu Dua Tiang semua itu, ada bukti juga ke dia bagi nama batu itu?

**MY** : Batu tiada.

**RA** : Batu ukiran kain semua itu ada ?

**MY** : Ukiran kain? Yang itu semua Pak Muda tidak perasan.

**AR** : Pak Muda ada ke Gua tengkorak?

**MY** : Gua Tengkorak? Yang itu Pak Muda tidak tahu.

**RA** : Gua-gua ini boleh masuk ke sebenarnya?

**MY** : Boleh.

**RA** : Dia kiranya duduk dalam gunung kan? Maksudnya dia lebih kecil la? Tapi boleh masuk?

**MY** : Dia luas. Dulu jalan elok naik. Orang duduk tebuk-tebuk jadi tidak elok susah.

**RA** : Kira dia memang ada tangga ke ada bukit?

**MY** : Ada bukit boleh naik. Ada batu boleh naik. Dia bukan macam gunung lain. Dia luas, tempat lapang dibawah ini, lepastu ada batu kita boleh jalan. Sampai diatas,

kita susah nak naik ada juga. Kita nak naik Gua Gajah ke nak naik ke Gua Gendang itu susah sikit.

**RA : Lepastu batu-batu ini semua, kalau masuk sekarang ini ada lagi tidak?**

**MY : Tidak tahu. Mungkin ada (sengeh).**

**AR : Pak Muda betul ke mula-mula sebelum nak masuk gua itu, ada Gua Payung?**

**Kita akan lalu Gua Payung dulu, dihadapan- Betul ke?**

**MY : Gua Payung. Boleh jadi ada satu tempat itu macam payung.**

**AR : Boleh cerita tidak, sebelum kita masuk Gua Payung, kita akan jumpa gua apa lagi?**

**MY : Lepastu dia akan jumpa Gua Bedak dulu, sebelah kiri Gua Gajah, tempat gajah itu, pergi hujung sikit Gua Rimau, lepastu gelap. Cuma ada lubang kena masuk lubang lain. Nak masuk tempat itu. Lepastu, yang sebelah kanan itu naik, tempat gong [gendang] itu, lepastu naik sikit lagi tempat Gua Bunga. Gua Bunga itu kita boleh tengok masjid dahla. Di depan boleh tengok. Makna, Kampung Gunung kita boleh nampak dekat situ.**

**RA : Ada pernah tragedi ke dalam itu? Maksudnya orang mati ke orang jatuh ke?**

**MY : Tiada.**

**AR** : Pak Muda jumpa pokok inai itu dekat gua mana?

**MY** : Gua Bunga.

**AR** : Selain pokok inai ada pokok apa lagi dalam gua itu?

**MY** : Ada pokok bunga-bunga lain, tapi dia berakar dan kecil. *Hok* [yang] itu Pak Muda tidak ambil. Dekat batu-batu kan, dia ada bunga-bunga lain. Cuma Pak Muda ambil bunga-bunga inai pasal mudah cabut nampak *comey* [cantik]. Pak Muda buat balik itu je.

**AR** : Lawalah. Memang terjaga sekarang ini?

**MY** : Tidak tahu sebab memang Pak Muda tidak naik. Lama Pak Muda tidak naik.

**RA** : Pak Muda sendiri pernah tengok pinggan mangkuk Puteri Sa'adong itu?

**MY** : Cuma kaca-kaca itu adalah dulu.

**RA** : Kaca-kaca?

**MY** : Kaca-kaca pinggan itu dulu.

**RA** : Lepastu melalui pendapat (bunyi cicak) Pak Muda sendiri, apa yang unik gunung ini berbanding gunung lain?

**MY** : Maknanya Gunung Reng ini, dia satu je [sahaja]. Dia tidak banyak.

RA : Kiranya orang nak tengok, orang kena datang sini.

MY : Macam tempat lain, dia *berangkai* [banyak]. Gunung Reng cuma satu.

RA : **Dia tunggal. Lepastu dalam pun ada gua-gua. Kiranya dalam gunung ada gua. Dalam gua ada apa - apa lagi tidak? tumbuhan ke?**

MY : Ada. Ada akar. Makna nak naik atas *nung* [sana], kena melalui akar, makna kita melalui gua, pokok dan macam macam boleh-

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: HARAPAN PAK MUDA TENTANG GUNUNG RENG**

AR : Untuk bahagian terakhir, yang ke *lima* [5], apa harapan dan usaha Pak Muda bagi Gunung Reng ini kekal sampai sekarang?

MY : Bagi Pak Muda, Gunung Reng ini, harapan Pak Muda supaya kita *pakat* [sama-sama] jagalah. Pasal, ini bahan sejarah kita yang pertama, yang ke *dua* [2] nya, untuk generasi akan datang ini, kita, bagi Pak Muda itu sahaja. Makna kita-, di mana sahaja kita berada, kita kena jaga *hok* [yang] Tuhan bagi ini sama ada air ke, hutan ke, gunung ke, makna kita kena jaga. Baru kita ini boleh- makna kita jaga benda sekeliling kita ini, makna kita jaga kita. Jaga benda-benda tidak baik.

**AR : Kenapa Pak Muda, cerita Gunung Reng ini sepatutnya dikekalkan?**

MY : Pasal bagi *sini* [Jeli, Kelantan] nya, inilah *satu* [1] peninggalan warisan. Makna nya, daripada awal lagi, kita ini dulu nya Thailand sini, kawasan Thailand dan cerita semasa Thailand dulu, ada *gunung ini* [Gunung Reng]. Sekarang ini beri kita pulak, beri dalam Semenanjung Malaysia ini, jadi kita yang memerintah, makna kita jaga lah benda *ini* [Gunung Reng]. Itu sahaja. Cucu-cicit esok, makna dia tahu sejarah, Kalau kita tidak pelihara benda ini, makna cucu-cicit kita tidak tahu. Sekarang ini Pak Muda tanya sini, pasal apa kita ini Mukim Belimbang Kelantan Baru? Mana tau *dia* [masyarakat Kampung Batu Melintang], tak tahu. Mukim Belimbang Kelantan Baru, pasal apa *bubuh* [letak] Kelantan Baru. Makna nya, (bunyi cicak) situ kita kena tahu dah sejarah itu, makna sini nya dulu Thailand. Bila dulu nya Thailand, sini pula, bila kita tahu Thailand itu, makna nya kita kena tahu mana *hok* [yang] Thailand tu duduk asal, pasal *hok* [yang] duduk di Bukit Ipoh ini kata, walaupun dia orang tahu Mukim Belimbang Kelantan Baru, *dia* [masyarakat Kampung Batu Belimbang] ini daripada Bachok, daripada Tumpat, daripada Kota Bharu, daripada Pasir Mas, mari duduk *sini* [Kampung Batu Melintang] *satu* [1] kampung. Di peringkat awalnya, Pak Muda bagitahu tadi, di Kampung Lawar ini, daripada\_. Di kampung Mamin ini, daripada belah nyior, sebelah bawah ini. Macam Pak Muda ini daripada Kota Bharu Meng ini, masuk ke Belimbang. Itulah. Maknanya, bila kita tahu sejarah ini, dengan adanya gunung *ini* [Gunung Reng], kita pelihara gunung ini, kita jaga gunung ini, kita dengar cerita nya dan kita tahu kisah asal usul nya orang yang buka kawasan *ini*

[Batu Melintang], makna kita kekal kan lah untuk masa generasi akan datang. Itulah.

**RA** : Sekurang-kurang nya kita nak cerita untuk generasi akan datang itu, maksudnya, kita ada bukti la kan?

**MY** : Kita ada bukti, sini untuk bukti nya itulah kita kena pergi tempat Gunung Cabut, lepas itu penempatan Tok tadoh tadi, bersangkut paut dengan gunung tadi, ada kubur *dia* [Tok tadoh] sebelah, sebelah dia kubur lama itu. Lepas itu, kampung-kampung tadilah.

**RA** : Kampung Tala?

**MY** : (Pak Muda mengangguk) *Kampung Kalai Lama* [Jeli].

**RA** : Kampung Kalai Lama ini, dekat Jeli?

**MY** : Dekat sini lah, *Batu Melintang* [Jeli].

**AR** : Selain temuramah macam sekarang ini, Pak Muda rasa ada cara lain untuk kekalkan cerita Gunung Reng ini? Kira perjanjian atau temu duga dengan televisyen ke? Ada? Ada rancangan sendiri ke?

**MY** : Tidak ada, Pak Muda nya cuma kalau ada masa macam itulah, Pak Muda bila dalam mesyuarat-mesyuarat itu sahaja lah. Bagi Pak Muda, setakat Pak Muda mampu setakat itu sahaja, cuma Pak Muda rasa dalam masa *tiga* [3] tahun lah,

Pak Muda bagi tempoh dah, dalam masa *tiga* [3] tahun ini, makna Pak Muda mampu bagi. Selepas dari itu, Pak Muda rasa Pak Muda tidak mampu sudah.

**RA : Makna nya nak cerita dekat surat khabar ke buat buku ke?**

**MY : Untuk buat buku lah. (Pak Muda mengangguk) Boleh kekal.**

**RA : Kalau buku, Pak Muda nak sendiri tulis atau mahu suruh orang lain?**

**MY : Orang lain. Pak Muda bagi maklumat sahaja untuk nak buku ini, itulah. Kalau nak buat buku ini, Pak Muda rasa kalau boleh buat tajuk, bagi Pak Muda lah, Lagenda Gunung Reng Kampung Tala. Dia punya tajuk. Itu yang Pak Muda nampak lah. (ketawa) bagi Pak Muda. Gunung Reng Kampung Tala Mukim Belimbang Kelantan Baru. Itu.**

**AR : Ada tak selain kami yang datang jumpa Pak Muda, nak tahu tentang Gunung Reng?**

**MY : Selain ini daripada *UMK* [Universiti Malaya Kelantan], Bachok. *Dia* [pelajar Universiti Malaya Kelantan] mari di Gunung Reng ini, mungkin dia hendak ambil maklumat situ lah, di kawasan gunung itu ada dalam cerita lebih kurang, lepas itu dia mari jumpa Pak Muda. Tapi, dia rakam juga lah. Pak Muda cakap macam biasa tapi dia rakam. Pak Muda ada cerita sedikit lah. Makna sekadar (bunyi cicak) yang Pak Muda tahu, Pak Muda cerita balik pasal Gunung Reng. Dia mari sini, dia nak tahu kisah Lombong Emas, masa British dulu. Jadi Pak Muda cerita emas lah.**

**RA** : Cerita *itu* [lombong emas] tidak ada kaitan dengan Gunung Reng ini?

**MY** : Gunung pun Pak Muda, pasal *dia* [pelajar Universiti Malaya Kelantan] cerita daripada gunung itu, dia sebut juga gunung, Pak Muda ceritalah sedikit. Itu sahaja.

**RA** : Tapi tujuan asal *dia* [pelajar Universiti Malaya Kelantan] nak tahu pasal emas?

**MY** : (Pak Muda mengangguk)

**AR** : Mereka buku kan tak selepas temuramah?

**MY** : Dia orang rakam.

**AR** : Lepas rakam, ada tak mereka buku kan?

**MY** : Tidak tahu, tidak ada apa. Jadi Pak Muda harap nya, dengan maklumat ini, Pak Muda harap buat buku lah untuk bahan sejarah.

**AR** : Selain buku?

**MY** : Boleh, kalau nak masuk surat khabar ke apa, masuk lah, supaya pihak berkuasa tempatan ini ambil tindakan untuk nak kekal sejarah itu dan tolong jaga warisan itu, kekal.

**AR** : Apa pendapat Pak Muda tentang generasi dulu dengan sekarang?

**MY** : Generasi sekarang ini, bagi pendapat Pak Muda nya, dia tidak suka berdamping dengan orang tua (bunyi telefon bimbit) ini, tak suka nak berdamping dengan orang tua dengar cerita-cerita ini kiranya dongeng *je* [sahaja], generasi sekarang ini . Jadi generasi dulu ini, mudah, generasi Pak Muda ini, kita mudah walaupun generasi dulu ini, Pak Muda, pengalaman Pak Muda lah, seorang penghulu ini, dia tidak pandai membaca, tidak pandai menulis, tapi sukat tanah dia, nak sukat tanah, dia ambil akar, dia simpul akar *dok* [kan]. *Satu* [1] rantai, simpul *satu* [1], lepastu kira lah (Pak Muda ketawa) berapa *satu, dua, tiga* [1, 2, 3]. Tapi bila dia arah *je*, semua kampung tu keluar, kalau tiga [3] buah kampung, tiga [3] buah kampung. Ikut. Kalau penghulu itu kata “*Okey lima belas ini kita tabur padi*”, semua keluar tabur padi. *Dia* [penghulu] mudah, senang di arah orang dulu. Mudoh baso [mudah berurus]. Jadi orang *loni* [sekarang ini], kalau sini, nak arah Pak Muda sini, kalau nak gotong royong ini, Cuma orang Belimbing sahaja. Ini *Kampung Belimbing* [Jeli]. Pak Muda buat jambatan hampir *seratus ribu* [100,000].

**RA** : Pak Muda buat sendiri?

**MY** : Pak Muda tidak ada. Dengan gotong royong. Itu sahaja.

**AR : Jambatan dekat mana?**

MY : Sungai ini, seberang *Sungai Pergau* [Kampung Belimbing] ini, cuma Pak Muda mesyuarat *dua* [2] kali sahaja.

**RA : (Kagum) Lepas itu, boleh siap?**

MY : Boleh siap

**RA : Dalam masa?**

MY : Dalam masa setahun (Pak Muda ketawa). Macam mana Pak Muda buat, mesyuarat pertama Pak Muda buat, Pak Muda *tiga* [3] orang, Pak Muda, Adik Pak Muda, Cikgu Sogi. Cikgu Wan Sogi, duduk di tepi *sungai* [Sungai Pergau], Pak Muda cakap, “*macam mana kalau kita buat jambatan di sini*”, Cikgu Sogi berkata, okey Pak Muda boleh. Okey, kalau boleh, Pak Muda latih *lalu* [sekarang], Pak Muda pengerusi, Pak Su Kamal bendahari, Cikgu Sogi setiausaha. Itu sahaja. Malam itu, isytihar, *empat* [4] tahlil sahaja, siapa nak bagi derma, kita nak buat jambatan, berebut nak bayar nak nombor *satu* [1] (Pak Muda ketawa). (bunyi menulis pen) selepas itu, bila dapat duit *seribu tiga ratus* [1,300], Pak Muda panggil *gi* [pergi] buat mesyuarat di rumah Pak Muda. Habis, makna orang tua itu pergi rumah Pak Muda, Pak Muda mesyuarat itu, nak tahu duit ada banyak mana, Selepas itu, bagaimana nak buat jambatan, Pak muda beri *dua* [2] pilihan, sama ada di atas itu, Batu Hitam, atau pun di sini depan masjid. Jadi setuju depan masjid. Depan masjid ini, *Sembilan puluh* [90] kaki *panje* [panjang], *seribu tiga ratus* [1,300], Pak Muda serah kepada setiausaha Pak Muda, suruh *gi* [pergi] beli dekat Teguh Tanah Merah, *dua puluh* [20] beg simen, *dua puluh* [20] batang besi. *Hok* [yang] van hantar besi itu, *dia* [setiausaha Pak Muda] tanya hendak buat jambatan mana, bagitau Sungai Pergau, buat sini. Tidak munasabah. Tapi Pak Muda yakin, bila keluar daripada mulut Pak Muda, Pak Muda yakin boleh siap. Tidak mesyuarat sudah, sampai siap.

**RA : Yang itu generasi dulu?**

MY : *Loni* [sekarang ini] generasi sekarang ini, tapi di Belimbing sahaja, Kalau dekat tempat lain, mesyuarat banyak, barang tidak berjaya. (ketawa) Pak Muda yakin, pasal ini Pak Muda tahu, ini keturunan Pak Muda di Belimbing ini, (ketawa) Pak Muda tahu. Dengan mulut Pak Muda, mesti. Daripada budak darjah *satu* [1], sekolah kebangsaan, Pak Muda gotong-royong hari ahad, petang sabtu itu, dia orang timbun pasir pergi dekat mesin dah. *Hok tu* [Yang itu] Pak Muda suka. Bila esok hari ahad itu gotong-royong, habis, orang perempuan lelaki semua duduk sungai. Itulah.

**RA : Kalau dulu, Tok Penghulu yang arah buat kerja ini? Kalau sekarang Pak Muda?**

MY : Walaupun Pak Muda *tidak* [bukan] Tok Penghulu, *dia orang* [masyarakat Kampung Batu Belimbing] percaya kepada Pak Muda. Bila Pak Muda cakap, mereka percaya. Mereka yakin. Pak Muda yakin Pak Muda berdikari, kalau tidak macam mana boleh buat hampir *seratus ribu* [100,000] habis dengan cara gotong-royong. Pak Muda bahagian atasan, bahagian pejabat-pejabat, dengan *D.O* [District Officer], Pak Muda jumpa D.O, Pak Muda minta dia angkat *seratus ribu* [RM 100,00] lulus *tiga puluh ribu* [RM 30,000], kata tidak apa bawa marilah, *tiga puluh ribu* [RM 30,000] pun, kita buat. Orang bagi *seringgit* [RM 1] pun Pak Muda terima, seringgit pun tidak mengapa Pak Muda kata, kita nak buat kebajikan *seringgit* [RM 1] pun tidak mengapa, *lima puluh sen* [RM 0.50] pun Pak Muda terima. Sampai siap. Itulah

RA : **Jadi, harapan Pak Muda, untuk orang-orang muda sekarang ini, sepatutnya dia orang kena buat apa untuk majukan Gunung Reng?**

MY : Untuk gunung ini (bunyi menulis pen), kita kena buat program situ.

RA : **Buat program macam mana?**

MY : Program untuk, makna biar *dia orang* [generasi muda] ini, jaga, yang pertama sekali, kalau nak buat gotong royong apa ke, buat situ. Makna dia ada suatu ketika, suatu masa biar ada, panggil pemuda-pemuda ini ubah kawasan gunung itu. Makna setahun sekali ke, *dua* [2] tahun *tiga* [3] tahun sekali ke, buat situ.

AR : **Pak Muda ada rasa potensi, Gunung Reng ini akan berbalik dan bersih macam dulu balik?**

MY : Mungkin kalau jaga. Pak Muda pernah bagi saranan kepada Penyelia Dun Haji Rashid, supaya di *Jeli* [Kelantan] ini, ada kawasan untuk tarik pelancongan, pasal *kita* [Jeli] ada produk.

**RA : Produk?**

MY : Produk kita ini Gunung Reng, untuk tarik pelancong, yang ke *dua* [2] Tasik Pergau, yang ke *tiga* [3] Gunung Cabut, tapak Gunung Cabut, kita boleh buat jalan dalam hutan, masuk hutan pergi tengok ini kawasan Gunung Cabut. Selepas itu, kita ada peninggalan British dahulu, lombong emas. Pak Muda cerita dekat Haji Rashid sahaja, Haji Rashid kata Langkawi itu, “saya buat” dia kata. Mahathir hantar saya, saya berada di sana 2 [dua] minggu.

**RA : Haji Rashid itu kata?**

MY : Haji Rashid itu kata, Haji Rashid yang buat Langkawi itu, kertas kerja itu. Pak Muda pernah bagi saranan, bila Pak Muda ada masa, *hok tu* [yang itu] Pak Muda sebut untuk nak maju tempat *ini* [Gunung Reng], yang ini caranya. Jadi harap Pak Muda macam itulah, supaya kita ini di Jeli ini, khusus nya di Jeli ini, bersabit dengan Gunung Reng ini, makna kita biar ada produk biar ada orang *mari* [datang] tengok. Sehingga sekarang, Pak Muda pun, Pak Muda rasa kalau ada lah orang ada duit pun, buat pusat pelancongan. Makna kita ini sebagai membantu pelancong-pelancong itu, kita buat pusat di Jeli ini, ambil lesen buat di Jeli ini. Makna nya kita boleh bawa mana *Pak saudara* [pelancong luar] nak pergi, nak tengok tempat Lombong Emas ke, nak kerja emas ke, nak tengok apa pun boleh. Di Tasik Pergau ini, masa Pak Muda Majlis Daerah itu, macam-macam Pak Muda cadang, di kawasan Gunung Cabut itu, Pak Muda cadang, macam-macam Pak Muda buat. Makna dulu, masa itu, *dua ratus* [200] ekar kawasan *tasik itu* [Tasik Pergau], kawasan pelancongan.

**RA** : Kiranya Gunung Reng ini, ada potensi lagi lah?  
**MY** : Potensi ada, cuma cara nak buat nya. Apa salahnya kalau buat jalan terus naik atas, *dia* [masyarakat Kampung Batu Melintang] orang suka.

**RA** : Kiranya nak tunggu ada orang gerakkan ke?  
**MY** : *Nak* [Hendak] bergerak itu, makna nya *gunung* [Gunung Reng] itu boleh bawa keliling. Boleh naik atas.

**AR** : Pak Muda pernah berjasa dekat Tasik Pergau dan Gunung Reng?  
**MY** : Tasik Pergau tidak ada.

**RA** : Agak-agak pelancong tahu pasal Gunung Reng ini?  
**MY** : Pelancong tidak tahu.

**RA : Kalau pelancong tahu, agak-agak macam mana dia orang tahu pasal Gunung Reng?**

**MY : Sekarang ini, tidak itu lagi, Pasal tidak ada lagi benda itu. Sepatutnya projek dah habis banyak dah, buat dewan, buat tempat rehat, tapi tidak terurus. Yang ini *satu* [1] Pak Muda, bagi pihak berkuasa tempatan ini, misal kata di Air Panas, kita ada Air Panas, habis *dua ratus ribu* [RM 200,000] lebih. Masa itu, Pak Muda Ahli Majlis Daerah, Pak Muda minta kata, kita jagalah, pasal duit habis banyak ini. Cumanya masa itu, duit tidak ada hendak urus, kalau kata nak upah, bagi gaji orang yang uruskan itu, jaga masa itu, makna kita, duit tak ada. Makna di Gunung Reng pun banyak, rasa *dua* [2] *tiga* [3] kali dah projek-projek kerajaan ini, sudah wakaf-wakaf tempat rehat ke apa, tempat taman kanak-kanak, jadi rosak habis, tidak terurus.**

**RA : Ikut pemerhatian Pak Muda, kawasan Gunung Reng ini, biasanya orang daripada kawasan mana yang selalu datang?**

**MY : Yang Pak Muda tahu, dia orang singgah, itu jelah. Singgah sembahyang di *masjid itu* [Masjid Mukim Gunung Reng]. Selepas itu, ada kalanya masuk, tengok, berehat lah tepi pasal di situ alur di tepi sungai, Cuma kena baiki sikit di Kuala Sungai Tadoh itu, sekarang ini dia dah gali dah, dah jauh dah, mungkin kalau boleh baiki lagi situ dan tambah sebelah itu dekat\_ itu, buat jalan keliling, *dia orang* [pelancong] boleh masuk, pusing, boleh berehat.**

**RA** : Setakat ini, ada tak orang daripada negeri luar, datang buat kajian tentang  
**Gunung Reng ini?**

**MY** : Tidak ada lagi.

**RA** : Biasanya siapa yang buat temu ramah dengan Pak Muda? Pelajar ke?  
**Pekerja ke?**

**MY** : Pelajar sahaja.

**AR** : Setakat ini wartawan ada?

**MY** : Tidak ada.

**RA** : Jadi, waktu biasa dia orang datang bila?

**MY** : Tengahari.

**AR** : Bagaimana keadaan Gunung Reng semasa malam?

**MY** : Gelap lah, tapi sekarang ini adalah anak saudara Pak Muda, dia meniaga situ, dia orang selalu makan mi celup.

**RA** : Ada kemudahan lain dekat Gunung Reng?

**MY** : Sekarang ini tidak ada lagi.

**RA : Cuma masjid itu [Masjid Mukim Gunung Reng] lah?**

**MY** : Cuma masjid itu sahaja. Daripada luar pun berhenti sembahyang situ. Makna kalau boleh tambah sikit sahaja. Tambah sikit kalau ada kata=.

**AR : Pak Muda ada cadang untuk baik pulih tempat rekreatif ini?**

**MY** : Yang itu, di atas, di bawah *PBT* [Pihak Berkuasa Tempatan]. Makna kalau boleh masuk jadi ikut *pelancong* [pelancongan], sebab pelancongana dia banyak bajet lah. Kalau PBT ini dia ada *hok* [yang] dia yang sedikit lah. Pelancongan boleh keluar bajet banyak sikit.

**RA : Sebelum ini ada ke kerajaan yang terlibat dalam usaha nak bangun kan Gunung Reng itu sendiri?**

**MY** : Tidak ada lagi.

**AR : Sekarang, penjagaan Gunung Reng ini bukan atas mana-mana pihak?**

**MY** : Tidak ada lagi. Majlis Daerah yang ini, yang mana terbiar, Cuma Majlis Daerah dia ambil sewa dekat gerai-gerai tepi (bunyi cicak) itulah.

**AR : Penjagaan Gunung Reng itu tidak ada?**

**MY** : Tidak ada.

**AR : Tadi pasal produk Jeli, Kolam Air Panas itu salah satu produk di Jeli?**

**MY : Salah satu produk lah.**

**AR : Apa nama penuh dia [Kolam Air Panas]?**

**MY : Kolam Air Panas Batu Sembilan LebuhRaya Timur Barat.**

**AR : Apa keistimewaan dia [Kolam Air Panas Batu Sembilan LebuhRaya Timur Barat] daripada kolam air panas dekat tempat-tempat lain?**

**MY : Tidak ada-.**

## **TAMAT BAHAGIAN 5**

Terima kasih kami ucapkan kepada saudara Matleh Bin Yaakob, di atas segala perkongsian tentang cerita Gunung Reng. Cerita ini memang kami sendiri tidak tahu kewujudannya dan kami harap cerita ini apabila kami bukukan dan kami keluarkan bahan cerita ini dalam bentuk bercetak bagi memudahkan generasi akan datang tahu mengenai cerita di sebalik Gunung Reng. Jadi kami amat berterima kasih atas kerjasama Pak Muda kerana meluangkan masa untuk berkongsi apa sahaja pengetahuan mengenai cerita Gunung Reng. Terima Kasih banyak-banyak. Assalamualaikum w.b.t

# **RUJUKAN**

## **RUJUKAN**

Matleh Yaakob. (2016, April 17). Lagenda di Sebalik Gunung Reng. (Aisyah Ramli. Robiatul Adawiyah Zukfile, Penemu ramah)

# **LAMPIRAN**

# **LOG WAWANCARA**

**LOG WAWANCARA**  
**BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG PAK MUDA**

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
01.25	Latar belakang dan Gelaran Pak Muda	a) Kampung Sengih b) Bukit Belimbing
03.19	Latar belakang pekerjaan	a) Tentera
04:18	Jawatan pernah disandang	a) Ahli Majlis Daerah Jeli b) Ahli Jawankuasa Kecil Bahagian Pendidikan Islam c) Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)
05.54	Latar belakang pendidikan	a) Sekolah Kebangsaan Batu Melintang b) Sekolah Menengah Arab Addiniyyah, Batu Melintang c) Bunut Payong
08.14	Anak-anak	a) Siti Nur Hafizah b) Siti Haizum c) Muhammad Hisyamuddin d) Amir Syahiran e) Nur Hasyimah

		f) Nur Syilawati g) Nurin Fatini
11.19	Isteri	a) Saadah Binti Kechik
12.23	Ibu Bapa	a) Bapa, Yaahob Bin Maarof b) Ibu, Siti Mariam Binti Mohammad
13.32	Latar belakang keluarga	a) Kampung Belum Lama b) Batu Melintang

**BAHAGIAN 2 : ASAL USUL GUNUNG RENG**

<b>MASA</b>	<b>PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>	<b>NAMA/TEMPAT DIRUJUK</b>
16.54	Asal usul Gunung Reng	a) Hulu Sungai Pergau b) Kuala Sungai Tadok
17.04	Peristiwa terjadinya Gunung Reng	a) Kampung Tala
19.56	Asal Usul Kampung Tala	a) Asal di kawasan Thailnad
26.13	Kesan peristiwa Gunung Reng	a) Masyarakat Kampung Tala

**BAHAGIAN 3: KISAH-KISAH DI GUNUNG RENG**

<b>MASA</b>	<b>PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>	<b>NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK</b>
00 : 30 : 02	Kelahiran Puteri Sa'adong	a) Hutan b) Rumah Tok Tadoh c) Tok Tadoh d) Orang Asli e) Puteri Sa'adong
00 : 31 : 46	Persinggahan Puteri Sa'adong ke Gunung Reng	a) Cik Arif b) Cik Relayan c) Puteri Sa'adong d) Gunung Reng e) Rumah Tok Tadoh
00 : 32 : 21	Kisah Raja Thailand	a) Raja Thailand b) Gunung Reng c) Tentera Raja Thailand d) Puteri Sa'adong e) Tok Tadoh
00: 39 : 04	Kisah Tok Seh Kelembang	a) Tok Seh Kelembang b) Kawan Tok Seh Kelembang c) Gunung Reng
00: 42 : 25	Kisah Puteri Sa'adong merajuk	a) Gunung Reng b) Gunung Ayam c) Bukit Marak
00 : 44 : 29	Pinggan mangkuk Puteri Sa'adong	a) Gunung Reng b) Puteri Sa'adong c) Orang Kampung

**BAHAGIAN 4 : KRONOLOGI PAK MUDA DI GUNUNG RENG**

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
00 : 48 : 49	Keadaan Gunung	a) Gunung Reng b) Sungai c) Kebun d) Tempat harimau dan gajah e) Hutan f) Stesen Minyak g) Masjid
00 : 54 : 18	Rujukan kisah	a) Rumah Pak Imam b) Bapa Saudara c) Masjid Belimbang d) Cikgu Daud e) Pak Muda f) Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Melintang
00 : 59 : 22	Jenis – jenis gua	a) Gunung Reng b) Puncak Gunung
01 : 01 : 05	Jenis-jenis batu	a) Gunung Reng
01 : 05 : 06	Pinggan Mangkuk Puteri Sa'adong	a) Gunung Reng b) Pak Muda

**BAHAGIAN 5 : HARAPAN PAK MUDA**

<b>MASA</b>	<b>PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>	<b>NAMA/TEMPAT DIRUJUK</b>
01:07:12	Harapan Pak Muda	a) Gunung Reng
01:09:21	Asal Usul Kampung Mukim Belimbang Kelantan Baru	a) Asal di Thailand
01:11:53	Cadangan untuk kekal Cerita Gunung Reng	a) Nama Buku : Lagenda Gunung Reng Kampung Tala, Bukit Belimbang, Kelantan Baru.
01:10:26	Bukti tentang kewujudan Gunung Reng	a) Penempatan Tok Tadoh b) Tempat Gunung Cabut c) Kampung Kalai Lama
01:12:56	Orang yang pernah menemu ramah Pak Muda tentang Gunung Reng.	a) Uiniversiti Malaya Kelantan (UMK), Bachok b) Lombong Emas
01:15:57	Sumbangan di Kampung Batu Belimbang	a) Kampung Belimbang b) Seberang Sungai Pergau
01:15:40	Orang yang terlibat dalam Sumbangan Pak Muda	a) Adik Pak Muda b) Cikgu Sori c) Cik Wan Sori
01:21:03	Tempat menarik di Jeli	a) Gunung Reng b) Tasik Pergau

		c) Tapak Gunung Cabut d) Lombong Emas
01:26:36	Pihak berkuasa bagi penjagaan Gunung Reng	a) Pertubuhan Perladangan Kawasan (PPK)

# **DIARI KAJIAN**

## DIARI KAJIAN

Tarikh	Keterangan
13 Mac 2016	Penyelidik mengkaji tentang Cerita-cerita Rakyat Kelantan.
17 Mac 2016	<p>a) Penyelidik memulakan kajian di Pusat Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Kelantan bagi mendapatkan maklumat tentang calon yang bakal di temuramah.</p> <p>b) Penyelidik meneruskan kajian ke Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara untuk mencari inisiatif bagi berhubung dengan penemu ramah dan mencari kesahihan tentang tajuk kajian. Penyelidik seterusnya mendapatkan maklumat daripada En, Nazali Ghazali, selaku Ketua Unit Kebudayaan dan Kesenian.</p>
19 Mac 2016	Kajian tajuk yang dijalankan oleh penyelidik telah dikenalpasti dan penyelidik telah memperolehi nombor telefon penemuramah.
22 Mac 2016	Penyelidik mula berhubung bersama penemu ramah bagi sesi perkenalan dan penemu ramah bersetuju untuk ditemu ramah pada 17 April 2016.

2 April 2016	Penyelidik berhubung dengan penemuramah bagi mendapatkan maklumat awal tentang latar belakang penemuramah.
14 April 2016	Penyelidik telah menyiapkan soalan kajian berkaitan tajuk cerita rakyat Negeri Kelantan
17 April 2016	Sesi kajian bersama penemuramah pada pukul 8-10 malam.
20 April 2016	Proses menyalin semula hasil rakaman yang telah dilakukan.
24 April 2016	Penyelidik membuat penelitian terhadap setiap tanda baca yang digunakan.
27 April 2016	Pensyarah memberi penerangan tentang format penulisan log wawancara
11 Mei 2016	Draf transkrip pertama dihantar.
29 Mei 2016	Pembentangan tentang tajuk yang ditemuramah.
8 Jun 2016	Proses mencetak transkrip
16 Jun 2016	Transkrip siap sepenuhnya dan dihantar kepada pensyarah untuk semakan.

**SOALAN  
TEMURAMAH**

## **SENARAI SOALAN TEMU RAMAH DI SEBALIK GUNUNG RENG**

### **Bahagian 1: Latar Belakang Pak Muda**

1. Apakah nama penuh Pak Muda?
2. Apakah nama panggilan Pak Muda dalam kalangan keluarga?
3. Apakah nama panggilan Pak Muda dikalangan rakan-rakan?
4. Berapakah umur Pak Muda sekarang?
5. Bilakah Pak Muda dilahirkan?
6. Dimanakah Pak Muda dilahirkan?
7. Apakah pekerjaan Pak Muda?
8. Berapa lama Pak Muda pernah menjadi tentera?
9. Berapa lama Pak Muda memegang jawatan sebagai Ahli Majlis Daerah jeli?
10. Selain daripada bekerja sebagai tentera dan Ahli Majlis Daerah Jeli adakah terdapat pekerjaan lain yang pernah Pak muda pegang?
11. Apakah yang pernah dilakukan Pak muda semasa memegang jawatan Ahli Majlis Daerah jeli?
12. Apakah pendidikan awal Pak Muda?
13. Apakah pengajian tertinggi Pak Muda?
14. Berapakah bilangan anak Pak Muda?
15. Adakah anak anak Pak Muda berpotensi uinituk menjadi generasi seterusnya ?
16. Nama anak Pak Muda?
17. Siapakah nama penuh isteri Pak Muda?
18. Berapakah umur isteri Pak Muda?
19. Apakah pekerjaan isteri Pak Muda?
20. Apakah nama penuh bapa Pak Muda?
21. Berapakah umur bapa Pak Muda?
22. Apakah nama penuh ibu Pak Muda?
23. Berapakah umur ibu Pak Muda?
24. Ibu Bapa Pak Muda asal dari mana?
25. Apakah pekerjaan ibu bapa Pak Muda?
26. Berapakah bilangan adik-beradik Pak Muda?

27. Pak Muda anak ke berapa dalam keluarga?
28. Daripada bilangan adik-beradik Pak Muda, berapa orang lelaki dan berapa orang perempuan?
29. Sudah berapa lamakah Pak Muda dan isteri berkahwin?
30. Bilakah tarikh ulangtahun perkahwinan Pak Muda?

## **Bahagian 2: Asal usul Gunung Reng**

1. Dimanakah terletaknya Gunung Reng?
2. Berapakah jarak perjalanan di sempadan Kelantan untuk sampai ke Kampung Tala?
3. Dimanakah terletaknya Sungai Reng?
4. Apakah kaitan antara Tasik Pergau dengan Gunung Reng?
5. Berapakah jarak Tasik tersebut dengan Gunung Reng?
6. Apakah peranan Tasik pergau dengan masyarakat setempat?
7. Kisah tragis Gunung Reng berlaku pada tahun bila?
8. Apakah yang dimaksudkan dengan “Reng”?
9. Apakah nama tapak asal gunung yang sekarang dikenali Gunung Reng?
10. Siapakah Ketua Kampung Tala sewakitu itu?
11. Bolehkah saya tahu tentang perempuan tua dan cucu yang dikatidakan pencerita tentang kemunculan Gunung Reng?
12. Adakah perempuan tua tersebut masih hidup?
13. Berapakah umur perempuan tua tersebut?
14. Bagaimana dengan cucunya pulak?
15. Mengapa Ketua Kampung Tala mengadakan kenduri secara besar-besaran?
16. Apakah contoh jenis permainan rakyat ketika kenduri itu berlangsung?
17. Berapakah tempoh hari kenduri tersebut berlangsung?
18. Dimanakah tempat pertaruhan antara anjing dan kucing?
19. Pada wakitu bilakah pertaruhan antara anjing dan kucing berlaku?
20. Dimanakah tempat asal gunung tersebut sebelum meneruk Kampung Tala?
21. Mengapakah balasan berlaku terhadap masyarakat Kampung Tala?
22. Apakah balasan yang ditimpa oleh penduduk Kampung Tala?
23. Berapakah anggaran masyarakat Kampung Tala yang selamat dan tidak selamat daripada bencana tersebut?

### **Bahagian 3: Kisah-kisah di Gunung Reng**

1. Apakah kisah yang terselit disebalik Gunung Reng ?
2. Benarkah Puteri Sa'adong pernah menjadikan Gunung Reng sebagai lokasi persinggahan beliau?
3. Kenapa beliau menjadikan Gunung Reng sebagai tempat persinggahan?
4. Berapa orang yang bersama Puteri Sa'adong semasa persinggahan tersebut?
5. Apakah yang dibawa beliau semasa persinggahan tersebut?
6. Berapa lama Puteri Sa'adong melarikan diri daripada raja yang dikatakan ingin menikahi beliau?
7. Siapakah Raja yang ingin menikahi Puteri Sa'adong?
8. Apakah tindakan raja tersebut selepas mengetahui Puteri Sa'adong lari daripada beliau?
9. Kenapa beliau memilih puteri Sa'adong?
10. Puteri Sa'adong bersama dengan siapa semasa persinggahan tersebut?
11. Apakah bukti persinggahan beliau?
12. Semasa persinggahan tersebut adakah Puteri Sa'adong pernah mendapat gangguan daripada haiwan buas?
13. Bagaimana beliau melindungi diri beliau daripada ancaman ancaman sekitar beliau?
14. Bilakah beliau singgah di Gunung tersebut?
15. Sebelum beliau singgah di Gunung Reng, adakah terdapat lokasi lain yang turut menjadi lokasi persinggahan beliau ?
16. Sejauh manakah kebenaran yang mengatakan Puteri Sa'adong telah merajuk dengan masyarakat setempat kerana meminjam pinggan mangkuk beliau?
17. Kenapa masyarakat setempat meminjam barang pinggan mangkuk beliau?
18. Bagaimana mereka dapatkan barang pinggan mangkuk tersebut?
19. Di manakah tempat tinggal Puteri Sa'adong yang sebenar?
20. Bagaimana hubungan beliau dengan keluarga beliau?
21. Bolehkah Pak muda ceritakan secara ringkas tentang salasilah Puteri Sa'adong?
22. Selepas beliau menolak raja tersebut daripada menikahinya, adakah terdapat lelaki lain yang menjadi suami beliau?

23. Kemanakah beliau pergi selepas kecewa dengan penduduk setempat?
24. Adakah masyarakat setempat memujuk beliau supaya jangan merajuk?
25. Adakah beliau mendapat balik pinggan mangkuk tersebut?
26. Adakah terdapat barang lain selain pinggan mangkuk tersebut?
27. Apakah keunikan pinggan mangkuk tersebut yang menyebabkan Puteri Sa'adong merajuk dengan masyarakat setempat?
28. Apakah kesan yang ditinggalkan oleh Puteri Sa'adong sepanjang persinggahan beliau?
29. Selain kisah Puteri Sa'adong , adakah terdapat kisah lain yang terdapat di Gunung Reng?
30. Apakah nama nama Gua yang menjadi simbolik persinggahan Puteri Sa'adong?

#### **Bahagian 4: Kronologi Pak Muda di Gunung Reng**

1. Pada tahun berapakah kali pertama Pak Muda menjelaki kaki di Gunung Reng?
2. Bagaimanakan keadaan Gunung Reng sewaktu itu?
3. Berapa lama Gunung tersebut menjadi tumpuan orang awam sebelum menjadi terbiar?
4. Pak Muda ialah generasi ke 15, Bolehkah Pak Muda ceritakan generasi sebelum ke 15?
5. Siapakah yang sentiasa menjadi rujukan Pak Muda untuk menceritakan kisah di Gunung Reng ini?
6. Boleh ceritakan pengalaman Pak Muda semasa memasuki Gunung Reng pada zaman muda?
7. Apakah perasaan Pak Muda ketika berada di pintu masuk Gua Payong?
8. Adakah terdapat kejadian aneh atau misteri berlaku ketika Pak Muda berada di dalam Gunung Reng?
9. Adakah Pak Muda pernah melawat bilik Gua Badak? Bagaimana keadaan bilik tersebut?
10. Adakah Pak Muda pernah melawat bilik Gua Rimau? Bagaimana keadaan bilik tersebut?
11. Adakah Pak Muda pernah melawat bilik Gua Bedak? Bagaimana keadaan bilik tersebut?
12. Adakah Pak Muda pernah melawat bilik Gua Badak? Bagaimana keadaan bilik tersebut?
13. Apakah contoh bentuk batu yang Pak Muda pernah jumpa di dalam Gunung Reng seperti batu dua butir, batu dua tiang, batu pelangi, batu ukiran kain dan batu batil?
14. Adakah terdapat batu dua butir? Bagaimana bentuk batu tersebut?
15. Adakah terdapat batu dua tiang? Bagaimana bentuk batu tersebut?
16. Adakah terdapat batu pelangi? Bagaimana bentuk batu tersebut?
17. Adakah terdapat batu ukiran kain? Bagaimana bentuk batu tersebut?
18. Adakah terdapat batu batil? Bagaimana bentuk batu tersebut?
19. Adakah Pak Muda pernah melihat barang-barang Puteri Sa'adong seperti pinggan mangkuknya yang dikatakan tidak dijaga dengan baik?

20. Bagaimanakah keadaan barang-barang tersebut ketika dahulu?
21. Bagaimanakah keadaan barang-barang tersebut ketika kini?
22. Apakah keunikan Gunung Reng bagi pendapat Pak Muda berbanding gunung lain?

## **Bahagian 5: Sumbangan Pak Muda untuk generasi akan datang**

1. Apakah sumbangan Pak Muda bagi mengekalkan Cerita Rakyat Kelantan ini?
2. Selain proses temuramah, adakah terdapat usaha lain yang Pak Muda lakukan bagi mengekalkan kisah disebalik Gunung Reng?
3. Apakah pendapat Pak Muda tentang kehidupan generasi terdahulu dan sekarang?
4. Pada pendapat Pak muda, apakah peranan generasi muda sekarang bagi mengekalkan sejarah Gunung Reng?
5. Adakah terdapat potensi untuk membangkitkan kembali tempat ini?
6. Adakah para pelancong mudah mengenali tempat ini?
7. Bagaimana cara yang paitut digunakan untuk mendedahkan tempat ini kepada orang awam?
8. Siapakah yang kerap mengunjungi Gunung Reng ?
9. Selain orang awam, adakah terdapat orang dari negara luar datang membuat kajian?
10. Selain temuramah, apakah aktiviti yang biasa dilakukan oleh orang tempatan atau orang luar di Gunung Reng?
11. Waktu bilakah biasanya mereka datang?
12. Adakah kerajaan iturut terlibat dalam membangunkan kawasan Gunung Reng ini?
13. Siapakah yang sentiasa mengambil cakna dalam membangunkan kawasan Gunung Reng?
14. Apakah harapan Pak Muda kepada generasi akan datang ?
15. Kenapa Gunung Reng perlu dikekalkan keada generasi akan datang?
16. Sekiranya orang luar berminat uinituk mengetahui tentang cerita disebalik Gunung Reng, apakah tindakan yang sepaitutnya dilakukan oleh mereka ?
17. Siapa yang kerap melakukan kajian di Gunung Reng?
18. Apakah sumbangan yang boleh dilakukan oleh ramai bagi mengekalkan keaslian Gunung Reng ini?
19. Adakah Gunung Reng menjadi penghalang kepada pembangunan di kawasan sekitar?
20. Apakah kemudahan yang terdapat di kawasan Gunung Reng

# **SURAT PERJANJIAN**



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... Mamat bin Yacob ..... Pada ..... 17 April 2016 .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan.

Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berknaa n

#####

#####

(Mamat bin Yacob)

Pengisah

#####

#####

#####


Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.

## LAMPIRAN 1



Gambar 1: Dari kiri, Robiatul Adawiyah Zukfile, Pak Muda, Aisyah Ramli

## LAMPIRAN 2



Gambar 2 : Pemandangan Gunung Reng

## INDEKS

### A

- Ahli Jawatankuasa Kecil Bahagian Pendidikan Islam .. 18  
Ahli Majlis Daerah Jeli..... 6, 17, 18, 85  
Ahli Majlis Mesyuarat..... 18  
Amir Syahiran ..... 11, 22, 86  
anak-anak ..... 12, 22, 23  
Askar Watainjyyah..... 6

### B

- balasan..... 13, 33, 34  
Batu Melintang.. 6, 10, 15, 16, 19, 20, 26, 34, 55, 56, 58, 69, 71, 79, 85, 86, 90  
Belung Lama..... 25  
Bukit Belimbing..... 16, 69, 72, 85, 91, 92  
Bukit Ipoh ..... 19, 69  
bukit Marak ..... 46  
buluh ..... 13, 36, 43, 44, 48  
Bunut Payong..... 19, 85  
Burung Ereng ..... 12

### C

- Cerita Rakyat Kelantan ..... 6, 14  
Cik Nerayan ..... 36, 37, 39, 40, 42  
Cik Siti Wan Kembang..... 48  
cucu ..... 34, 35, 69

### D

- Durban..... 19

### E

- Encik Arif..... 13, 37, 39, 42

### G

- generasi ...6, 14, 16, 22, 30, 34, 43, 56, 69, 70, 74, 76, 83  
Gua Bedak..... 62, 63, 66  
Gua Bunga..... 62, 66  
Gua Gajah ..... 55, 62, 64, 65, 66  
Gua Gendang..... 62, 65  
Gua Payung ..... 65, 66  
Gua Rimau ..... 55, 62, 64, 66  
Gunung Ayam ..... 46, 47, 90  
Gunung Cabut ..... 78, 92

- Gunung Reng .6, 8, 12, 13, 14, 15, 18, 19, 21, 23, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 38, 39, 40, 41, 42, 46, 47, 50, 51, 53, 55, 56, 58, 61, 67, 69, 71, 72, 73, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93

### H

- harapan..... 6, 14, 69, 77  
hidroelektrik ..... 13  
Hulu Sungai Pergau..... 28, 29, 87

### I

- ibu bapa..... 4, 12  
Imam Tua Masjid Belimbang ..... 57  
India ..... 19, 20  
isteri..... 11, 12, 13, 23, 36

### J

- Jabatan Pengangkutan Jalan ..... 21

### K

- Kajang ..... 21  
Kampung Gunung ..... 66  
Kampung Kalai Lama ..... 30, 71, 92  
Kampung Lamba ..... 30  
Kampung Lawar ..... 54, 69  
Kampung Sengih ..... 16, 85  
Kampung Tala...13, 28, 29, 30, 32, 33, 34, 71, 72, 88, 92  
kecantikan ..... 13  
kehidupan ..... 12  
keluarga..... 12, 17, 25, 48, 53, 86  
keiturunan..... 16, 23, 25, 26, 76  
kisah-kisah ..... 6, 27, 53  
Kota Bharu Meng ..... 25, 26, 69  
kronologi ..... 6  
Kuala Sungai Tadok ..... 29, 80, 87

### L

- lagenda ..... 14  
latar belakang ..... 6, 12  
Lombok Emas ..... 72, 78, 92

### M

- Masjid Batu Melintang..... 56  
Muhammad Haziman ..... 11

Muhammad Hisyamuddin ..... 11, 22, 86

## N

- Nur Hasyimah ..... 11, 22, 86  
Nur Syilawati ..... 11, 22, 86  
Nurin Fatini ..... 11, 22, 86

## O

Orang Kurang Upaya ..... 21

## P

- Pak Muda .6, 8, 10, 12, 14, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 40, 41, 42, 43, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 69, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 85, 90, 91, 92  
Pasukan Pertahanan Tempatan ..... 17  
pelaga anjing ..... 28  
pelajaran ..... 12  
pendidikan ..... 12, 18, 85  
Pengalaman ..... 6  
Pengerusi Peritubuhan Peladang Kawasan (PPK) .. 10, 85  
Penghulu Kampung ..... 6, 12  
peininggalan ..... 14, 43, 69, 78  
peininggalan warisan ..... 14, 69  
pererangan ..... 37, 38, 42  
perempuan tua ..... 13, 30, 34  
Pihak Berkuasa Tempatan ..... 82  
pihak kerajaan ..... 14  
Pokok inai ..... 60

- pusat pelancongan** ..... 78  
**Puteri** Sa'adong 13, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 67, 89, 90, 91

## R

**Raja Thailand** ..... 13, 37, 38, 41, 89

## S

- Saadah** Binti Kechik ..... 11, 23, 86  
**sejarah** ..... 14, 57, 69, 73  
**Sekolah** Menengah Arab Addiniyyah ..... 10, 19, 85  
**Sijil Pelajaran Malaysia** ..... 21, 22  
**Sijil Rendah Pelajaran** ..... 12, 20  
**Siti Haizum** ..... 11, 22, 86  
**Siti Nur** Hafizah ..... 13, 42  
**sumpahan** ..... 75, 92  
**Sungai Pergau** ..... 25

## T

- Taman Negara Raya Belung** ..... 25  
tarikh **lahir** ..... 25  
**Tasik Pergau** ..... 13, 29, 31, 34, 78, 79, 92  
tentera ..... 12, 17, 18, 20, 22, 37, 41, 42, 45  
**Thailand** ..... 25, 26, 29, 37, 38, 69, 91  
Tok Seh Gelembey ..... 43, 45  
Tok Tadoh ..... 13, 36, 37, 39, 40, 48, 89

## U

**Universiti Malaya Kelantan** ..... 72, 73, 92